40 KESILAPAN UMUM DI SEKITAR SOLAT

(DENGAN BERPANDUKAN TATACARA SOLAT RASULULLAH SAW)

Ditulis & Disusun Oleh:

Ruslan Mamat

"Maka datanglah sesudah mereka,
pengganti (yang buruk) yang mensia-siakan solat
dan memperturutkan hawa nafsu,
maka kelak mereka akan menemui kesesatan"
(Surah Maryam: Ayat 59)

"Akan datang satu masa atas manusia,
di mana mereka mengerjakan solat,

yang sebenarnya mereka tidak mengerjakan solat"

(Hadis riwayat Imam Ahmad)

PANDUAN DAN PEGANGAN PENULIS DALAM PENYUSUNAN NASKAH INI

Imam Abu Hanifah berkata: (Mazhab hanafi)
"Tidak dihalalkan bagi seseorang untuk berpegang pada perkataan kami, selagi ia tidak mengetahui dari mana kami mengambilnya." (Ibnu Abdil Barr dalam Al-Intiqa'u fi Fadha 'ilits Tsalatsatil A'immatil Fuqaha'i, hal. 145)

Imam Malik berkata:(Mazhab maliki)
"Sesungguhnya aku ini hanyalah seorang manusia yang kadang salah dan kadang benar. Maka perhatikanlah pendapatku. Setiap pendapat yang sesuai dengan Kitab dan Sunnah, maka ambillah. Dan setiap yang tidak sesuai dengan Al Kitab dan Sunnah, maka tinggalkanlah." (Ibnu Abdil Barr di dalam Al-Jami', 2/32)

Imam ahmad bin Hambal berkata:(Mazhab hambali)
"Janganlah engkau taqlid kepadaku dan jangan pula engkau mengikuti Malik, Syafi'i, Auza'i dan Tsauri, Tapi ambillah dari mana mereka mengambil." (Al-Fulani, 113 dan Ibnul Qayyim di dalam Al-I'lam, 2/302)

Imam Asy-Syafi'i, beliau berkata:(Mazhab syafie)
"Setiap masalah yang jika di dalamnya terdapat hadits shahih dari Rasulullah Shalallahu alaihi wa sallam menurut para pakar hadits, namun bertentangan dengan apa yang aku katakan, maka aku rujuk di dalam hidupku dan setelah aku mati." (Al-Hilyah 9/107, Al-Harawi, 47/1)

Dalam rangka menulis dan menyusun naskah ini, saya berpegang teguh kepada sabda Rasulullah SAW sebagaimana yang dinyatakan berikut, dengan niat dan tujuan yang satu iaitu untuk kembali ke jalan***: "golongan yang mengikuti aku ada padanya hari ini dan yang mengikuti para sahabatku"*** **serta** ***….." hati-hatilah terhadap setiap perkara yang diada-adakan, kerana semua perkara yang diada-adakan itu adalah bid'ah, setiap bid'ah adalah sesat dan setiap yang sesat adalah tempatnya di dalam neraka".***

Dari Abdullah bin Amr bin Ash Radhiyallahu anhu:
"Dan sesungguhnya Bani Israil telah berpecah menjadi 72 golongan dan umatku akan terpecah menjadi 73 golongan. Semua mereka akan masuk neraka kecuali satu golongan yang selamat. **Para sahabat bertanya*:* *"Siapakah mereka yang selamat itu ya Rasulullah?"*** **Rasulullah SAW menjawab:** ***yaitu golongan yang mengikuti aku, ada padanya hari ini dan yang mengikuti para sahabatku."***

Hadis ini diriwayatkan secara lengkap oleh Imam Termidzi, diterangkan pula oleh Imam Hakim dalam juz yang pertama, Ibnu Wadhoh, Imam Al-Azurri dalam **kitabnya As Syari'ah**, Ibnu Nasr Al-Marwaji dalam **kitabnya As Sunnah Al Laalikai**, Abdul Qahir Al Baghdadi dalam **kitabnya Al Faruq bainal Firaq**. Hadis ini dikatakan oleh Imam Termidzi sebagai hassan gharib.

"Aku wasiatkan padamu agar engkau bertaqwa kepada Allah, patuh dan ta'at, sekalipun yang memerintahmu seorang budak Habsyi. Sebab barangsiapa hidup (lama) di antara kamu, tentu akan menyaksikan perselisihan yang banyak. Kerana itu, berpegang teguhlah pada sunnahku dan sunnah khulafa' ur Rasyidin yang (mereka itu) mendapat petunjuk. Pegang teguhlah ia sekuat-kuatnya. Dan hati-hatilah terhadap setiap perkara yang diada-adakan, kerana semua perkara yang diada-adakan itu adalah bid'ah. Setiap bid'ah adalah sesat (dan setiap yang sesat itu adalah tempatnya di dalam neraka)." **(Hadis riwayat Imam An Nasa'i dan Imam Termidzi).** Ia berkata hadis ini hasan sahih.

Semoga naskah ini menjadi panduan berguna untuk kita semua serta mendapat keredhaan dan keberkatan Allah Ta'ala jua.

Penulis & Penyusun
Ruslan Mamat

MUKADDIMAH

Dari Ubadah bin Shamit Radhiyallahu anhu:
Bahwa Nabi Sollallahu 'Alaihiwassallam (SAW) bersabda: Barang siapa menyukai pertemuan dengan Allah, maka Allah akan menyukai pertemuan dengannya, dan barang siapa yang tidak menyukai pertemuan dengan Allah, maka Allah tidak akan menyukai pertemuan dengannya. (Shahih Muslim No.4844)

Segala puji hanya milik Allah Subhanahuwa Ta'ala (SWT) semata-mata, Rabbul 'Alamin. Kepada-Nya, kita memohon hidayah-Nya, memohon segala keampunan, berlindung dari bisikan dan pujukan syaithan yang direjam, juga berlindung dari segala kesalahan dan keburukan diri. Barang siapa diberikan petunjuk oleh-Nya, dia tidak akan tersesat dan barang siapa yang tidak diberikan hidayah-Nya, dia termasuk dalam golongan yang rugi. Sesungguhnya, tiada Tuhan selain Allah dan Muhammad itu sesungguhnya adalah utusan-Nya. Selawat serta salam semoga tercurah atas junjungan besar Rasulullah Sollallahu 'Alaihiwassallam (SAW), serta keluarga baginda, para sahabat yang tercinta dan seluruh mukminin dan mukminat.

Sembahyang atau dikenali juga dengan perkataan "Solat", adalah kewajipan kita yang mengaku diri sebagai orang Islam. Solat merupakan tiang agama dan merupakan suatu tanggungjawab yang menentukan apakah seseorang itu Islam atau kafir. Jadi, orang yang meninggalkan solat, ia adalah kafir, sebagaimana sabda Rasulullah SAW: ***"Pemisah di antara kita dan mereka (orang kafir) adalah solat. Barangsiapa meninggalkan solat maka sesungguhnya dia telah kafir*.**" **(Hadis riwayat Imam Ahmad, Abu Dawud, Termidzi, Nasa'i dan Ibnu Majah).**

Rasulullah SAW, sebelum wafat, meninggalkan wasiat: **"Jagalah solat. Jagalah solat. Jagalah solat……………."** Sayangnya kita umat Islam hari ini, tidak "menjaga solat" sebagaimana yang diwasiatkan oleh Rasulullah SAW. Kita mengerjakan solat ala kadarnya sahaja. Seperti "melepaskan batuk di tangga". Kita mengerjakan solat, tetapi jiwa kita tidak pernah "menyentuh" makna solat dengan sebenar-benarnya. **Kita tidak "bertemu" dengan Allah. Kita tidak "bercakap-cakap" dengan Allah.**

Sabda Rasulullah SAW: ***Ketika melaksanakan solat, seorang hamba bercakap mesra dan akrab dengan Allah.*** **(Hadis riwayat Imam Bukhari & Muslim).**

Rasulullah SAW tahu bahawa di suatu ketika nanti, umatnya akan mensia-siakan solat, umatnya tidak lagi 'menjaga solat'. Dan ini boleh diperhatikan melalui sabda baginda SAW: ***"Akan datang satu masa atas manusia, di mana mereka mengerjakan solat, yang sebenarnya mereka tidak mengerjakan solat!"*** **(Hadis riwayat Imam Ahmad)**

Kata ulama' besar Imam Ahmad lagi, ***"Saya sangat khuatir bahawa zaman yang dimaksudkan oleh Rasulullah SAW sebagaimana hadis ini adalah zaman kita sekarang ini"*** Bayangkan zaman tersebut adalah di zaman Imam Ahmad iaitu di tahun 164H hingga 241H. ***"Sekiranya engkau solat di dalam 100 buah masjid, engkau tidak akan melihat satu masjidpun di mana manusia mengerjakan solat dengan betul sebagaimana yang dicontohkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat.***
Ketahuilah olehmu, sekiranya ada seorang yang benar tatacara solatnya, lalu dia melihat orang lain yang salah dan mensia-siakan solatnya, lantas dia diam, tidak menegurnya atau memperbaiki akan kesalahan orang itu atau tidak menasihatinya, maka dia bersama-sama menanggung dosanya. Jadi orang yang betul tatacara solatnya tadi, samalah dengan orang yang melakukan kesalahan bila dia tidak menegur dan menasihati orang yang salah tadi," kata Imam Ahmad.

Sabda Rasulullah SAW: ***"Ikatan Islam akan terlepas satu persatu. Dan setiap kali terlepas satu ikatan, maka manusia akan bergantung dengan ikatan berikutnya. Yang pertama akan terlepas ialah hukum-hukum Allah dan yang terakhir adalah solat".*** **(Hadis riwayat Imam Ahmad, Ibnu Hibban dan Hakim)**

Dalam Al-Qur'an, jelas diterangkan kepada kita melalui firman Allah SWT yang bermaksud: "***Maka datanglah sesudah mereka, pengganti (yang buruk) yang mensia-siakan solat dan memperturutkan hawa nafsu, maka kelak mereka akan menemui kesesatan?"*** **(Surah Maryam: Ayat 59)**

Inilah dilema besar yang saya hadapi. Di depan mata saya, berbagai ragam kesalahan dilakukan oleh orang yang mengerjakan solat. Yang paling nyata, ramai di kalangan mereka solat tanpa menitik beratkan **thuma'ninah**. Langsung tidak ada ketenangan ketika mereka mengerjakan solat. Mereka solat nak cepat selesai. Mereka solat seperti melepaskan 'beban' yang terpaksa dipertanggung-jawabkan kepada mereka sebagai umat Islam. Waktu rukuk, rukuknya ala kadar sahaja. Waktu i'tidal, belumpun benar-benar berdiri lurus, dah nak sujud. Waktu sujud, kepala terlalu menungging, dahi dan hidung tidak kena tempat sujud. **Malah**

ada juga imam jema'ah yang termasuk dalam golongan *'tidak menitik beratkan thuma'ninah'* ini.

Hal-hal ini berlaku di depan mata saya. Saya tidak mempunyai kekuatan untuk menegur mereka. Siapalah saya kalaupun saya mahu menegur mereka! Sempurna sangatkah cara solat saya? Akan tetapi, sekiranya saya tidak menegur mereka, saya tetap menanggung dosa kerana membiarkan kesalahan yang mereka lakukan.

Kita perlu meneliti semula, adakah solat kita bertepatan dengan cara solat yang diajarkan oleh Nabi kita Muhammad SAW. Ini kerana solat yang dilakukan tanpa berpandukan tatacara solat yang dilakukan oleh baginda Rasulullah SAW, pastinya solat itu akan membawa kepada kecelakaan terhadap diri sendiri. Solat yang dilakukan itu semakin menjauhkan kita dari Allah. Firman Allah: ***"Maka celakalah bagi orang-orang yang solat (yaitu) orang-orang yang lalai daripada solatnya."*** **(Surah Al-Ma'un ayat 4–5)** Mengapakah demikian? Jawapannya sudah pastilah kerana solat yang dilakukan tidak mengikuti apa yang diajarkan oleh baginda Rasulullah SAW, baik dari mula takbirnya, qiyamnya, rukuknya, i'tidalnya, sujudnya, khusyuknya dan segala perkara yang bersangkutan dengan solat itu sendiri.

Dengan menyusun buku kecil yang tidak seberapa ini, yang pastinya terdapat banyak kelemahan-kelemahan yang ada, saya memohon keampunan Allah Ta'ala kerana tidak menegur kesalahan-kesalahan yang berlaku di depan mata saya.

Saya tidak mempunyai kekuatan menegur mereka secara langsung. Allah memberi hidayah-Nya berupa kekuatan untuk saya menulis dan menyusun buku kecil ini dengan ilmu yang serba kekurangan dalam diri saya.

Dengan buku kecil yang serba kurang inilah saya memanjatkan do'a semoga Allah Ta'ala mengampunkan dosa-dosa tidak menegur mereka yang melakukan kesilapan demi kesilapan ketika mereka mengerjakan solat secara langsung di depan. Semoga dengan buku kecil inilah saya menegur mereka secara tidak langsung. Semoga ia berguna dan dapat memberi manafaat kepada kita semua.

Saya menulis dan menyusun buku ini adalah semata-mata agar kita menjadi muslim sejati yang berittiba' berdasarkan Al-Quran dan Sunnah. Bagi menyahut firman Allah ***"Berilah peringatan, sesungguhnya peringatan itu memberi manfaat bagi orang yang mukmin"*** serta menyahut sabda Rasulullah SAW ***"Sampaikan dariku meskipun satu ayat".***

Jika sekiranya terdapat kesalahan dalam penyusunan buku ini, ia datangnya daripada kebodohan dan kekhilafan diri penulis semata-mata. Semoga Allah Subhanahuwa Ta'ala mengampuni kebodohan dan kekhilafan ini.

Salam tulus ikhlas dari saya, **20hb Jan., 2009**
Ruslan Mamat
No. 14, Jalan Damai Indah 5, Taman Damai Indah,
Cheras, 56000 Kuala Lumpur.
Tel: +60132191281
E-mail*: ruslanmamat@yahoo.com*
ruslanmamat@gmail.com

PENGENALAN

Marilah kita perhatikan tiga buah hadis di bawah ini:

1. **Sabda Rasulullah SAW: *"Solatlah kalian sebagaimana kalian melihat aku solat."* (Hadis riwayat Imam Bukhari dan Imam Ahmad)**

2. Dari Hudzaifah Radhiyallahu anhu, bahawa dia melihat seorang lelaki solat yang tidak sempurna rukuk dan sujudnya. Setelah lelaki itu selesai solat, Hudzaifah Radhiyallahu anhu, berkata kepadanya: ***"Sebetulnya engkau tidak solat. Kalau engkau mati (dengan mengerjakan solat yang sedemikian rupa), maka engkau mati bukan di dalam agama Muhammad SAW."*** **(Hadis riwayat Imam Bukhari)**

3. Dari Abdullah Ibn Qurath Radhiyallahu anhu, Rasulullah SAW bersabda: ***"Yang pertama sekali akan dihisab pada hari kiamat adalah solat. Jika solatnya sempurna, maka sempurnalah seluruh amalannya. Dan jika solatnya buruk, maka buruklah amalan-amalannya yang lain."*** **(Hadis riwayat Imam Thabrani)**

Hadis Pertama: ***"Solatlah kalian sebagaimana kalian melihat aku solat".*** Macam mana kita hendak melihat cara Rasulullah SAW solat? Caranya ialah dengan berdasarkan hadis-hadis Rasulullah SAW yang sememangnya wajib kita ambil tahu. Kita ini namanya beragama Islam, akan tetapi kitab hadispun kita tidak pernah tengok, apatah lagi kita hendak memilikinya atau simpan di rumah untuk dijadikan rujukan. Na'uzubillah………Sebab

itulah cara solat kita jauh menyimpang daripada tunjuk ajar Rasulullah SAW yang sebenarnya.

Maka dengan itu, termasuklah kita ke dalam golongan ***"Sebetulnya engkau tidak solat. Kalau engkau mati (dengan mengerjakan solat yang sedemikian rupa), maka engkau mati bukan di dalam agama Muhammad SAW."*** Sebagaimana yang dimaksudkan dengan hadis yang kedua, golongan ini memang ramai di kalangan kita. Solat tanpa memerhatikan **"thuma'ninah".** Solat hendak cepat selesai. Solat ekspres! Malah ramai di kalangan imam jemaah pun tidak memerhatikan **"thuma'ninah"** ini.

Maka dengan itu, buruklah segala amalan kita. ***"Yang pertama sekali akan dihisab pada hari kiamat adalah solat. Jika solatnya sempurna, maka sempurnalah seluruh amalannya. Dan jika solatnya buruk, maka buruklah amalan-amalannya yang lain."*** Na'uzubillah……………… Ini kerana kita mengerjakan solat tanpa adanya ilmu yang sewajarnya.

BAB: KESILAPAN-KESILAPAN UMUM DI SEKITAR SOLAT

Berikut merupakan beberapa contoh kesilapan yang seringkali dilakukan oleh mereka yang mengerjakan solat:

1. SOLAT TANPA ILMU

Orang yang mengerjakan solat tanpa ilmu tergolong dalam golongan orang yang tidak dapat dimaafkan kerana "kebodohan beragama". Ramai di kalangan kita mengerjakan solat tanpa ilmu. Orang solat, kitapun solat. Kita tidak pernah mahu ambil tahu tentang ilmu solat – ilmu tentang tatacara Nabi Muhammad SAW mengerjakan solat sebagaimana pesan baginda SAW***: "Solatlah kamu sebagaimana kamu lihat aku solat".***

Islam menitik-beratkan ilmu. **Ilmu itu wajib didahulukan atas amal, kerana ilmu merupakan petunjuk dan pemberi arah amal yang akan dilakukan**. Imam Bukhari meletakkan satu bab tentang ilmu dalam Jami' Shahihnya, dengan judul **"Ilmu itu Mendahului Perkataan dan Perbuatan."** Para pemberi syarah atas kitab ini menjelaskan bahwa ilmu yang dimaksudkan dalam judul itu hendaklah menjadi syarat bagi keshahihan perkataan dan perbuatan seseorang.

Kedua hal itu tidak dianggap shahih kecuali dengan ilmu; sehingga ilmu itu didahulukan atas keduanya. Ilmulah yang membenarkan niat dan membetulkan perbuatan yang akan dilakukan. Mereka mengatakan: *"Imam Bukhari ingin mengingatkan orang kepada*

*persoalan ini, sehingga mereka tidak salah mengerti dengan pernyataan **'ilmu itu tidak bermanfaat kecuali disertai dengan amal yang pada gilirannya mereka meremehkan ilmu pengetahuan dan enggan mencarinya."***

Rasulullah SAW pertama sekali memerintahkan umatnya untuk menguasai ilmu tauhid, baru kemudian memohonkan keampunan yang berupa amal perbuatan. Walaupun perintah di dalam ayat itu ditujukan kepada Rasulullah SAW, tetapi maksudnya juga mencakupi seluruh umatnya. Firman Allah: ***"….. Sesungguhnya yang takut kepada Allah di antara hamba-hamba-Nya, hanyalah ulama' (yakni golongan orang-orang yang berilmu)…. …"*** **(Surah Fathir: ayat 28)**

Ibarat orang yang berjalan di dalam gelap. Seorang membawa bekal sebuah lampu suluh. Manakala seorang lagi berjalan dalam kegelapan tanpa membawa bekal lampu suluh. Orang yang solat dengan bekal ilmu yang ada padanya samalah seperti orang yang berjalan dalam gelap yang membawa bekal sebuah lampu suluh. Tentu orang ini akan sampai ke tempat tujuannya.

Sebaliknya, orang yang solat tanpa ilmu, dia diibaratkan seperti orang yang berjalan dalam gelap tanpa membawa bekal lampu suluh. Maka berjalanlah dia selama-lamanya dalam kegelapan itu! Sampai kiamatpun, dia tidak akan sampai ke tempat tujuan, sebabnya dia akan teraba-raba dalam kegelapannya itu. Begitulah perbandingan orang yang 'solat dengan ilmu', dengan 'orang yang solat tanpa ilmu'.

Sabda Rasulullah SAW: ***"Sesungguhnya hamba yang melakukan solat yang diwajibkan kepadanya ada yang mendapat ganjaran sepersepuluhnya, ada yang mendapat sepersembilannya, ada yang mendapat seperdelapannya, ada yang mendapat sepertujuhnya, ada yang mendapat seperenamnya, ada yang mendapat seperlimanya, ada yang mendapat seperempatnya, ada yang mendapat sepertiganya, atau ada yang mendapat setengahnya."*** **(Hadis riwayat Imam Abu Dawud, Nasa'i dan Ibnu Mubarak).**

Maka solatlah dengan ilmu. Bukan solat sekadar budaya atau Islam baka. Bagaimana hendak mencari ilmu tentang solat. Kita jangan pula lupa, wahyu pertama yang diturunkan kepada Rasulullah SAW ialah surah Al Alaq. **"Bacalah…bacalah atas nama Tuhanmu……….."**

Dengan banyak membaca, kita akan dapat mencari dan menimba ilmu. Jika kita tidak faham akan isi kandungan apa yang kita baca, bertanyalah kepada mereka yang arif. Bacalah kitab hadis yang banyak menerangkan tatacara solat yang diajarkan oleh Rasulullah SAW. Sebagai orang Islam, belilah dan simpanlah kitab-kitab hadis terutamanya kitab hadis Bukhari dan Muslim untuk kita jadikan rujukan kita. Bukan setakat hal ehwal solat sahaja yang akan kita temui dalam kitab-kitab hadis ini, malah segala hal ehwal kehidupan dunia dan akhirat boleh kita jadikan rujukan dan panduan beragama kita.

2. TIDAK MEMERHATIKAN KESEMPURNAAN WUDHUK

Ramai di kalangan kita tidak memerhatikan kesempurnaan wudhuk. Mereka berwudhuk ala kadarnya sahaja. Malah ramai di kalangan kita tidak mengetahui ilmu berwudhuk dengan sebenar-benarnya. Apa yang fardhu dan apa pula yang menjadi sunnahnya. Kesempurnaan solat bermula daripada kesempurnaan wudhuk!

Kesempurnaan wudhuk dikembalikan kepada syarat ibadah secara mutlak yakni ikhlas kerana Allah dan ittiba (mengikuti contoh dari Rasulullah SAW, sebagaimana sabda beliau dalam sebuah **riwayat Muslim**, dari Usman Radhiyallahu anhu, ia berkata : ***"Aku pernah melihat Rasulullah berwudhuk seperti wudhukku ini, lalu Rasulullah SAW bersabda: 'Barangsiapa berwudhuk seperti wudhukku ini, nescaya dosa-dosanya yang telah lalu akan diampuni, sementara solat sunnahnya dan perjalanan menuju masjid menjadi penyempurna bagi dihapuskan dosa-dosanya"***

Mengenai wudhuk yang dilaksanakan Usman Radhiyallahu anhu yang juga merupakan tatacara wudhuk yang dilaksanakan Rasulullah SAW dijelaskan dalam sebuah riwayat: *Dari Humran Maula (bekas budak)* ***Usman Radhiyallahu anhu, bahwasanya Usman pernah meminta air wudhuk, kemudian beliau membasuh kedua telapak tangannya tiga kali, kemudian berkumur-kumur, menghirup air ke hidung dan mengeluarkannya, lalu membasuh wajahnya tiga kali, kemudian membasuh kedua tangannya sampai siku tiga kali, lalu tangan kirinya sama seperti itu, kemudian menyapu kepalanya, lalu membasuh kedua kakinya yang kanan sampai kedua mata kaki tiga kali, kemudian yang kaki kirinya sama seperti itu, lalu ia berkata, "Aku melihat Rasulullah SAW berwudhuk seperti wudhukku ini"*** **(Hadis Muttafaq 'Alaih)**

Orang yang berwudhuk akan mendapatkan wajah yang bercahaya di akhirat kelak, sehingga Rasulullah SAW akan mengenali mereka sebagai umatnya. Muslim meriwayatkan dari Abu Hurairah Radiyallahu anhu, ia berkata : ***"Aku pernah mendengar kekasihku Rasulullah SAW bersabda: 'Kemilau cahaya seorang mukmin (kelak pada hari kiamat) sesuai dengan batas basuhan wudhuknya."***

Dari Abu Hurairah Radhiyallahu anhu, ia berkata bahwa ia pernah mendengar Rasulullah bersabda ***: "Sungguh umatku kelak akan datang pada hari kiamat dalam keadaan (muka dan kedua tangannya) kemilau bercahaya kerana bekas wudhuk. Kerananya, barangsiapa dari kalian yang mampu memperbanyak kemilau cahayanya, hendaklah dia melakukannya (dengan memperlebar basuhan wudhuknya)"*** **(Hadis riwayat Imam Bukhari dan Muslim).**

Berikut merupakan fardhu wudhuk:
Wudhuk memiliki beberapa fardhu dan rukun yang ditertibkan secara berurutan. Jika ada salah satu di antara fardhu tersebut yang tertinggal, maka wudhuknya tidak sah menurut syariat. Fardhu wudhuk tersebut adalah sebagai berikut:

A. Niat - Sebagaimana sabda Rasulullah SAW: "***Sesungguhnya amal perbuatan itu bergantung pada niatnya"*** **(Hadis Riwayat Imam Bukhari dan Muslim)**. Niat adalah kemahuan dan keinginan hati untuk berwudhuk. Juga pada apa yang disebutkan pada hadis, bahwa niat itu bermuara pada hati, sedangkan melafazkannya bukanlah merupakan sesuatu yang disyariatkan.

B. Membasuh Wajah atau Muka - Kewajiban membasuh wajah atau muka di dalam berwudhuk itu hanya sekali. Yaitu dari bahagian atas dahi sampai bahagian dagu yang bawah dan dari bahagian satu telinga ke bahagian bawah telinga yang lain.

Sebagaimana difirmankan oleh Allah Azza wa Jalla: ***"Wahai orang-orang yang beriman, apabila kalian hendak mengerjakan solat maka basuhlah muka."*** **(Surah Al-Maidah: ayat 6)** Air wudhuk itu harus mengalir pada wajah atau muka, kerana mengalir di sini bererti mengalirkan airnya ke serata wajah atau muka.

C. Membasuh kedua tangan sampai ke siku - Iaitu sampai ke siku dan yang diwajibkan hanya satu kali saja, sebagaimana firman Allah Ta'ala: ***"Kemudian tangan kalian sampai ke siku"*** **(Surah Al-Maidah : ayat 6)**

D. Mengusap Kepala - Pengertian mengusap kepala adalah membasahi kepala dengan air. Hal ini seperti difirmankan oleh Allah Ta'ala : ***"Dan usaplah kepala kalian"*** **(Surah Al-Maidah: ayat 6).** Dari Ali bin Abi Thalib Radhyiallahu anhu diriwayatkan mengenai sifat wudhuk Nabi SAW, beliau mengatakan: ***"Beliau mengusap kepalanya satu kali"*** **(Hadis riwayat Imam Abu Dawud, At-Termidzi dan An-Nasa'i dengan isnad sahih).**

Bahkan Imam At-Termidzi mengatakan bahwa yang lebih rajih (benar) mengenai usapan kepala adalah sebanyak satu kali saja. Selanjutnya, ada tiga cara yang diperoleh dari Rasulullah SAW, yaitu:

a. **Mengusap Seluruh Kepala**, di dasarkan pada riwayat: *Dari Abdullah bin Zaid bin Ashim Radhiyallahu anhu, beliau berkata :* ***"Rasulullah SAW mengusap kepalanya dengan kedua tangan, dari arah depan ke belakang dan dari arah belakang ke depan*** **(Hadis Muttafaq 'Alaih)**

Dalam lafaz yang lain menurut riwayat keduanya (Imam Bukhari dan Muslim), ***"Beliau memulai dari bahagian depan kepalanya hingga menjalankan kedua tangannya ke tengkuknya kemudian mengembalikan ke tempat semula"***

Selain itu juga disyariatkan untuk menyertakan telinga pada saat mengusap kepala :*Dari Abdullah bin Amr Radhiyallahu anhu, beliau berkata:* ***"Kemudian beliau (Rasulullah SAW) mengusap kepalanya dan memasukkan kedua jari telunjuk ke dalam telinganya serta mengusap bahagian luar telinganya dengan kedua ibu jarinya."*** **(Hadis riwayat Imam Abu Dawud dan An-Nasa'i serta disahihkan oleh Ibnu Khuzaimah)**

b. **Membasuh Bahagian Atas Serban.** Hal ini di dasarkan pada hadis yang diriwayatkan dari Amr bin Umayyah Radhiyallahu anhu, di mana ia menceritakan: ***"Aku pernah melihat Rasulullah SAW mengusap bahagian atas serban dan kedua kakinya"*** **(Hadis riwayat Imam Bukhari, Ibnu Majah dan Imam Ahmad).** Berdasarkan pada hadis ini, maka wanita muslimah diperbolehkan membasuh muka dan mengusap bahagian atas kerudungnya dengan air.

c. **Mengusap Bahagian Depan Kepala Dan Serban.** Hal ini di dasarkan pada hadis dari Mughirah bin Syu'bah, di mana ia menceritakan: ***"Bahwa Nabi SAW berwudhuk kemudian***

***mengusap bahagian depan kepala dan bahagian atas serbannya serta kedua kaki"* (Hadis riwayat Imam Muslim)**

Jika rambut seorang wanita muslimah dikepang, maka tidaklah cukup hanya dengan mengusap kepangan rambutnya saja. Kerana yang menjadi hukum utama dalam hal ini adalah mengusap kepala. Pada sisi lain diperbolehkan membasuh bahagian depan kepala, sesuai dengan hadis dari Anas bin Malik Radhiyallahu anhu, di mana ia menceritakan **:*"Aku pernah melihat Rasulullah SAW berwudhuk sedang beliau memakai serban dari Qatar. Maka beliau menyelipkan tangannya dari bawah serban untuk menyapu kepala bahagian depan, tanpa melepas serban itu*. (Hadis riwayat Imam Abu Dawud)**

E. Membasuh Kedua Kaki - Yaitu membasuh kaki hingga mencapai kedua mata kaki. Hal ini didasarkan pada firman Allah Azza wa Jalla: ***"Basuhlah kedua kaki kalian sampai kedua mata kaki"* (Surah Al-Maidah : ayat 6)**

Demikian itulah yang senantiasa dilakukan oleh Rasulullah *SAW*, sebagaimana diriwayatkan oleh Umar Radhiyallahu anhu ***:"Rasulullah SAW pernah tertinggal di belakang kami dalam suatu perjalanan. Pada saat itu kami mengetahui datangnya waktu 'asyar. Kemudian kami berwudhuk dan membasuh kedua kaki kami. Sambil melihat ke arah kami, beliau berseru dengan suara keras mengatakan: "dua atau tiga kali!" Celakalah bagi tumit-tumit (yang tidak kena air) dari siksaan api neraka*". (Hadis Muttafaq 'Alaih)** Para sahabat Rasulullah SAW telah bersepakat untuk membasuh kedua tumit hingga mata kaki.

F. Tertib dalam membasuh anggota-anggota tubuh di atas. Sebagaimana disebutkan dalam **surah Al-Maidah: ayat 6**: ***"Wahai orang-orang yang beriman, apabila kalian hendak mengerjakan solat, maka basuhlah muka dan tangan kalian sampai ke siku. Kemudian sapulah kepala kalian serta basuhlah kaki kalian sampai kedua mata kaki"***

Manakala berikut merupakan beberapa sunnah-sunnah wudhuk:

1. **Gosok gigi sebelum memulakan wudhuk.**

Hadis riwayat Imam Muslim dari Abu Hurairah ra.: Dari Nabi saw., beliau bersabda: ***"Seandainya aku tidak khuatir akan memberatkan orang-orang beriman (dalam hadis riwayat Zuhair, umatku), nescaya aku perintahkan mereka bersiwak (membasuh/memberus gigi) setiap kali sebelum solat"*. (Hadis riwayat Imam Muslim No.370)**

Dari Aisyah radhiyallahu anha bahawasanya Rasulullah SAW bersabda: ***"Menggosok gigi itu dapat membersihkan mulut dan mendapat keredhaan Allah Ta'ala."*** **(Hadis riwayat Imam Baihaqi dan Nasa'i).**

2. **Membaca Bismillah di permulaan wudhuk.**

Membaca **Bismillah** pada permulaan wudhuk - ***"Tidak sah (tidak sempurna) wudhuk bagi siapa yang tidak menyebutkan nama Allah padanya***" **[Hadis Riwayat Imam Ibnu Majah 399, At-Termidzi 25,26. Abu Dawud 101**, dan selain mereka. Menurut Syaikh Al-Albani : "Hadis ini sahih" Lihat **Shahih Al-Jami'ish Shaghiir no. 7444.** Sebahagian ulama' mengatakan hukumnya wajib membaca Bismillah di permulaan wudhuk. Manakala sebahagian ulama' pula mengatakan hukumnya sunnah sahaja. Adalah disyorkan supaya kita mengambil jalan selamat iaitu membaca Bismillah di permulaan wudhuk.

3. **Membasuh kedua tangan hingga ke pergelangannya.**

Humran, bekas hamba sahaya Usman, mengatakan bahwa ia melihat Usman bin Affan minta dibawakan bejana (air). (Dan dalam satu riwayat darinya, ia berkata, ***"Aku membawakan Usman air untuk bersuci, sedang dia duduk di atas tempat duduk, lalu dia berwudhuk dengan baik). Lalu ia menuangkan air pada kedua belah tangannya tiga kali, lalu ia membasuh kedua nya. Kemudian ia memasukkan tangan kanannya di bejana, lalu ia berkumur, menghirup air ke hidung [dan mengeluarkannya].***
Kemudian membasuh wajahnya tiga kali, dan membasuh kedua tangannya sampai ke siku tiga kali, lalu mengusap kepalanya, lalu membasuh kedua kakinya sampai ke dua mata kakinya tiga kali. Setelah itu ia berkata, ("***Aku melihat Nabi saw. berwudhuk di tempat ini dengan baik, kemudian) beliau bersabda, 'Barangsiapa yang berwudhuk seperti wudhukku ini, kemudian (datang ke masjid, lalu) solat dua rakaat, yang antara kedua solat itu ia tidak berbicara kepada dirinya [tentang sesuatu], [kemudian duduk,] maka diampunilah dosanya yang telah lampau.'"*** **(Hadis riwayat Imam Bukhari dan Imam Muslim)**

4. **Berkumur dan menghirup air ke hidung.**

Sebelum membasuh muka, disunnahkan berkumur-kumur (*Madhmadhoh*) dan *Istinsyaq* (memasukkan air ke dalam hidung lalu menghirupnya dan mengeluarkannya).

Ini berdasarkan hadis: "Ertinya : ...***Lalu Nabi membasuh kedua telapak tangan tiga kali kemudian berkumur-kumur dan istinsyaq (menghirup air ke hidung), lalu istinsaar (mengeluarkan air dari hidung) lalu membasuh muka tiga kali…***" **(Hadis riwayat Imam Bukhari dan Muslim)**

5. **Meratakan air ke seluruh kepala dan telinga sekaligus.**

Hadis riwayat Imam Ahmad pula: ***"Bahawasanya Ibnu Abbas pernah melihat Rasulullah SAW berwudhuk dan menyapu kepala dan telinganya dengan sekali sapu".***

Dari Abdillah bin 'Amr Radhiyallahu anhu tentang sifat wudhuk, berkata : ***"Kemudian Nabi SAW mengusap kepalanya dan memasukkan kedua jari telunjuknya ke dalam kedua telinganya dan mengusap bahagian luar kedua telinganya dengan kedua ibu jarinya"***

(Hadis hasan diriwayatkan oleh Imam Abu Dawud dan Nasa'i dan disahihkan oleh Ibnu Khuzaimah - Taudihul Ahkam 1/166).

Dan juga hadis Ibnu Abbas Radhiyallahu anhu : ***"Sesungguhnya Nabi SAW mengusap kepalanya dan kedua telinganya baik bahagian luar mahupun yang bahagian dalam"*** **(Hadis sahih, disahihkan oleh Termidzi, Irwa'ul Ghalil no 90)**

Sedangkan hadis yang diriwayatkan oleh Baihaqi bahwa Nabi SAW mengambil air yang baru bukan dari air bekas mengusap kepalanya adalah dha'if. Yang sahih iaitu bahwasanya Rasulullah SAW mengusap kepalanya dengan air yang bukan sisa (untuk mencuci) kedua tangannya. **(Taudihul Ahkam 1/180).** Hikmah diusapnya telinga selain untuk sempurnanya kebersihan telinga baik yang luar maupun yang dalam, juga membersihkan dosa-dosa yang telah dilakukan oleh telinga yakni mendengar hal-hal yang tidak sepatutnya didengar.

6. **Merata-ratakan air di celah-celah jari tangan dan jari kaki serta janggut** (jika ada).

Dari Laqith bin Sabrah Radhiyallahu anhu berkata: Rasulullah SAW bersabda***: "Sempurnakanlah wudhuk, selai-selailah jari-jemari kamu…"*** ***(*****Hadis riwayat Imam Abu Dawud, Termidzi, Nasa'i dan Ibnu Majah)**

7. **Mendahulukan anggota kanan, kemudian anggota yang kiri**.

"Adalah Rasulullah SAW menyukai dalam mendahulukan yang kanan ketika memakai sandalnya, menyisir, bersuci dan dalam semua urusannya". **(Hadis riwayat Imam Bukhari dan Muslim)**

8. Mengucapkan Dua Kalimat Syahadat Setelah Selesai Dari Wudhuk Dengan Ucapan:

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

Ertinya: ***Aku bersaksi bahwa tiada Tuhan selain Engkau Ya Allah, dan aku bersaksi bahwa Muhammad adalah hamba-Nya dan utusan-Nya.***

Tiada lain balasannya kecuali pasti dibukakan baginya pintu-pintu syurga yang bejumlah delapan, lalu ia masuk dari pintu mana saja yang ia sukai' **(Hadis riwayat Imam Muslim, Abu Dawud, Termidzi, Nasaaiy, dan Ibnu Majah)**

9. Tidak Boros Dalam Menggunakan Air

"Adalah Rasulullah SAW berwudhuk dengan satu mud. **Hadis riwayat Imam Muslim, Ibnu Majah, At-Termidzi dan An-Nasa'i .**

"Barangsiapa mencuci lebih (dari tiga kali) maka ia telah berbuat kesalahan dan kezaliman." **(Hadis riwayat Imam Abu Daud dan disahihkan oleh Al-Albani dalam Al-Irwa')**

Ramai di kalangan kita melakukan pemborosan ketika berwudhuk, menggunakan air dengan banyak terutamanya jika berwudhuk dengan menggunakan air paip. Kita jadi tidak puas kalau tidak mengalirkan air yang banyak! Ini bertentangan dengan saranan Rasulullah SAW.

Rasulullah Saw melihat Sa'ad yang sedang berwudhuk, lalu baginda berkata, ***"Pemborosan apa itu, hai Sa'ad?"*** Sa'ad bertanya, ***"Apakah dalam wudhuk ada pemborosan?"*** Rasulullah SAW menjawab, ***"Ya, meskipun kamu (berwudhuk) di sungai yang mengalir."*** **(Hadis riwayat Imam Ahmad)**

10. Melaksanakan Wudhuk Di Rumah Sebelum Menuju Ke Masjid
Rasulullah SAW bersabda. ***"Barangsiapa yang berwudhuk di rumahnya, kemudian berjalan ke masjid untuk melaksanakan kewajiban dari Allah (solat fardhu di masjid) dan setiap langkahnya menghapuskan dosa dan langkah yang lain mengangkat derjatnya."*** **(Hadis riwayat Muslim)**

Alangkah ruginya mereka yang tidak mengambil kesempatan dan peluang yang dijanjikan oleh Allah Ta'ala ini. Hanya dengan berwudhuk di rumah, kemudian berjalan menuju ke masjid untuk menunaikan solat berjemaah, kita dijanjikan 'penghapusan dosa' dan 'diangkat derjatnya' oleh Allah Ta'ala.

Berwudhuk Sekali, Dua Kali Atau Tiga Kali?
Ada yang mengatakan membasuh anggota wudhuk tiga kali tiga kali termasuk sunat. Sedangkan terdapat hadis yang mengatakan Rasulullah SAW membasuh anggota wudhuk sekali-sekali. Ada juga hadis mengatakan dua kali dua kali. Dan ada juga mengatakan tiga kali tiga kali.

Dalam hal ini kita hendaklah bijak menyesuaikan diri. Adalah diperhatikan di kebanyakan surau atau musolla terutamanya, ketika orang ramai beratur panjang untuk berwudhuk, cukuplah kita berwudhuk dengan sekali-sekali wudhuk sahaja. Apa yang penting ialah kesempurnaan wudhuk itu tetap terjaga dan tidak membazirkan air sebagaimana lumrahnya kita berwudhuk.

Berikut, mari kita semak hadis-hadis tersebut.
Dari Abu Abdillah Radhiyallahu anhu, berkata: ***"Nabi SAW menjelaskan bahawasanya apa-apa yang menjadi fardhunya wudhuk itu dilakukan sekali-sekali. Tetapi beliau juga pernah berwudhuk dan melakukan fardhu-fardhunya itu dua kali dua kali, dan pernah juga sampai tiga kali tiga kali. Nabi SAW tidak pernah melebihi tiga kali itu."*** **(Hadis riwayat Imam Bukhari).**

Dari Ali Radhiyallahu anhu***.: "Sesungguhnya Nabi SAW ada berwuduk tiga kali, tiga kali".*** **(Hadis riwayat Imam Termidzi).**

Hadis riwayat Imam Ahmad pula: ***"Bahawasanya Ibnu Abbas pernah melihat Rasulullah SAW berwudhuk dan menyapu kepalanya dan telinganya dengan sekali sapu".***

Dari Ibnu Abbas Radhiyallahu anhu, katanya: ***Nabi SAW berwudhuk sekali sekali yakni dalam membasuh atau mengusap anggota itu hanya dilakukan satu kali satu satu kali saja."*** **(Hadis riwayat Imam Bukhari).**

Dari Abdullah bin Zaid Radhiyallahu anhu.: ***Bahawasanya Nabi SAW berwudhuk dua kali dua kali."*** **(Hadis riwayat Imam Bukhari).**

Daripada dalil-dalil di atas, jelaslah kepada kita bahawa Rasulullah SAW pernah berwudhuk sekali-sekali, pernah juga berwudhuk dua kali dua kali dan pernah juga berwudhuk tiga kali-tiga kali. Jumhur ulama memakruhkan kita menggunakan air yang berlebih-lebihan ketika berwudhuk.

Kesempurnaan wudhuk ialah dengan meratakan air ke anggota-anggota rukun wuduk sebagaimana yang disebutkan di atas. Rasulullah SAW pernah menegur sahabat yang tidak menyempurnakan wudhuk.

Dari Umar Ibn Khattab Radhiyallahu anhu , katanya**:** ***"Ada seorang lelaki berwudhuk, di kakinya ketinggalan tempat tak terbasuh seluas kuku. Hal ini dilihat Rasulullah SAW lalu beliau bersabda: Ulangilah wudhukmu dengan sempurna. Setelah diulanginya, barulah ia solat."*** **(Hadis riwayat Imam Muslim).**

Dari Abu Hurairah Radhiyallahu anhu, katanya: ***"Sempurnakanlah olehmu wudhukmu sebab sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: Celakalah bagi tumit-tumit yakni kaki yang tidak dibasuh secara sempurna ketika melakukan wudhuk dari siksa api neraka."*** **(Hadis riwayat Imam Bukhari).**

3. KAIN ATAU SELUAR LABUH MENUTUPI MATA KAKI - ISBAL

Sebelum kita memulakan solat, alangkah baiknya kita lihat dulu pakaian kita. Ramai di kalangan muslimin dan muslimat langsung tidak ambil berat, malah ada yang langsung tidak ambil peduli tentang pakaian ketika solat. Mereka (lelaki) solat dengan kain, seluar atau jubah labuh menutupi mata kaki atau juga dengan pakaian yang bergambar.

Ramai di kalangan kita memakai kain, seluar atau jubah yang labuhnya sampai menutupi mata kaki, yang dinamakan dengan istilah Isbal. Isbal ertinya melabuhkan kain atau seluar hingga menutupi mata kaki, dan hal ini dilarang secara tegas baik kerana sombong ataupun tidak. Larangan isbal bagi laki-laki telah dijelaskan dalam hadis-hadis Rasulullah SAW yang sangat banyak, maka selayaknya bagi seorang muslim yang redha Islam sebagai agamanya untuk menjauhi hal ini. Namun ada sebahagian kalangan yang dianggap berilmu, menolak (larangan) isbal dengan alasan yang rapuh iaitu dengan niat **"tidak sombong"** - maka diperbolehkan?!

Untuk lebih jelasnya, berikut dipaparkan perkara yang sebenarnya tentang isbal agar menjadi panduan bagi orang-orang yang mencari kebenaran.

Salah satu kewajiban seorang muslim adalah meneladani Rasulullah SAW dalam segala perkara, termasuk dalam masalah pakaian. Rasulullah telah memberikan batas-batas syar'i terhadap pakaian seorang muslim, perhatikan hadis-hadis berikut:.
Rasulullah SAW bersabda :Ertinya : "***Keadaan sarung seorang muslim hingga setengah betis, tidaklah berdosa bila memanjangkannya antara setengah betis hingga di atas mata kaki. Dan apa yang turun dibawah mata kaki maka bahagiannya di neraka. Barangsiapa yang menarik pakaiannya kerana sombong maka Allah tidak akan melihatnya"*** **(Hadis riwayat Imam Abu Dawud 4093, Ibnu Majah 3573, Ahmad 3/5, Malik 12. Disahihkan oleh Al-Albani dalam Al-Misykah 4331)**

Berkata Syaroful Haq Azhim Abadi rahimahullah: “Hadis ini menunjukkan bahwa yang sunnah hendaklah kain atau seluar seorang muslim adalah hingga setengah betis, dan dibolehkan turun dari setengah betis hingga di atas mata kaki. Apa saja yang dibawah mata kaki maka hal itu terlarang dan haram**. (Aunul Ma’bud 11/103)**

Dari Hudzaifah Radhiyallahu anhu, beliau berkata. Ertinya : ***Rasulullah SAW memegang otot betisku lalu bersabda, “Ini merupakan batas bawah kain sarung. Jika engkau enggan maka boleh lebih bawah lagi. Jika engkau masih enggan juga, maka tidak ada hak bagi sarung pada mata kaki”*** **(Hadis riwayat Imam Termidzi 1783, Ibnu Majah 3572, Ahmad 5/382, Ibnu Hibban 1447. Disahihkan oleh Al-Albani dalam Ash-Shahihah 1765).**

Dari Abi Juhaifah Radhiyallahu anhu berkata. ***“Aku melihat Nabi SAW keluar dengan memakai Hullah Hamro' seakan-akansaya melihat kedua betisnya yang sangat putih”*** **(Hadis riwayat Imam Termidzi dalam Sunannya 197, dalam Syamail Muhammadiyah 52, dan Ahmad 4/308)**

'Ubaid bin Khalid Radhiyallahu anhu berkata : ***“Tatkala aku sedang berjalan di kota Madinah, tiba-tiba ada seorang di belakangku berkata, "Tinggikan sarungmu! Sesungguhnya hal itu lebih mendekatkan kepada ketakwaan." Ternyata dia adalah Rasulullah SAW. Aku pun bertanya kepadanya, "Wahai Rasulullah, ini Burdah Malhaa (pakaian yang mahal). Rasulullah menjawab, "Tidakkah pada diriku terdapat teladan?" Maka aku melihat sarungnya hingga setengah betis”***. **(Hadis riwayat Imam Termidzi dalam Syamail 97, Ahmad 5/364. Disahihkan oleh Al-Albani dalam Mukhtashor Syamail Muhammadiyah, hal. 69)**

Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah rahimahullah pernah ditanya tentang seseorang yang memanjangkan seluarnya hingga melebihi mata kaki. Beliau menjawab: ***“Panjangnya baju, seluar dan seluruh pakaian hendaklah tidak melebihi kedua mata kaki, sebagaimana telah tetap dari hadis-hadis Nabi SAW”*** **(Majmu' Fatawa 22/14)**

Al-Hafizh Ibnu Hajar berkata : ***“Walhasil, ada dua keadaan bagi laki-laki; dianjurkan yaitu menurunkan sarung hingga setengah betis, boleh yaitu hingga di atas kedua mata kaki. Demikian pula bagi wanita ada dua keadaan; dianjurkan yaitu menurunkan di bawah mata kaki hingga sejengkal, dan dibolehkan hingga sehasta”*** **(Fathul Bari 10/320)**

“Dari Abu Dzar bahwasanya Rasulullah SAW bersabda : ***“Ada tiga golongan yang tidak akan diajak bicara oleh Allah pada hari kiamat dan bagi mereka azab yang pedih. Rasulullah menyebutkan tiga golongan tersebut berulang-ulang sebanyak tiga kali, Abu Dzar berkata : "Merugilah mereka! Siapakah mereka wahai Rasulullah?" Rasulullah menjawab: "Orang yang suka memanjangkan pakaiannya, yang suka mengungkit-ungkit pemberian dan orang yang melariskan dagangannya dengan sumpah palsu."*** **[Hadis riwayat Imam Muslim 106, Abu Dawud 4087, Nasa'i 4455, Darimi 2608. Lihat Irwa': 900]**

“Dari Abu Hurairah Radhiyallahu anhu bahwasanya Nabi bersabda ***: "Apa saja yang di***

bawah kedua mata kaki di dalam neraka." **(Hadis riwayat Imam Bukhari 5797, Ibnu Majah 3573, Ahmad 2/96).**

Hadis-hadis di atas mengisyaratkan bahwa panjang pakaian seorang muslim tidaklah melebihi kedua mata kaki dan yang paling utama hingga setengah betis, sebagaimana yang dicontohkan oleh Rasulullah SAW dalam hadisnya sebagaimana di atas. Jika adab berpakaian bagi lelaki sedemikian di luar solat, apalagi sekiranya ia ketika mengerjakan solat!

4. MEMAKAI PAKAIAN BERGAMBAR ATAU SEJADAH BERGAMBAR

Janganlah sekali-kali kita solat dengan memakai pakaian yang bergambar. Para ulama' memakruhkannya. Ini tidak disenangi oleh Rasulullah SAW sebagaimana hadis berikut:
"Nabi solat dengan mengenakan khamisah yang memiliki corak/gambar-gambar. Beliau memandang sekali ke arah gambar-gambarnya. Setelah selesai dari solatnya, beliau bersabda, "Bawalah khamisahku ini kepada Abu Jahm dan datangkan untukku anbijaniyyahnya Abu Jahm, kerana khamisah ini hampir menyibukkanku dari solatku tadi ." Hisyam bin Urwah berkata dari bapaknya dari Aisyah, "Nabi bersabda, "Ketika sedang solat tadi aku sempat melihat ke arah gambarnya, maka aku khuatir gambar ini akan melalaikan/menggodaku ." **(Hadis riwayat Al-Bukhari no. 373 dan Muslim no. 1239)**

Begitu juga dengan sejadah yang bergambar. Terdapat sejadah di masjid-masjid bergambar bunga atau sebagainya. Ramai di kalangan kita (mereka yang tidak berilmu) menganggap remeh tentang hal ini, sedangkan Rasulullah SAW menitik-beratkan hal ini sebagaimana hadis di atas. Bukankah kita disunatkan memandang ke tempat sujud ketika solat. Maka sudah tentulah, pemandangan yang kita lihat adalah gambar-gambar yang ada pada sejadah tempat kita sujud. Dan ini tentunya mengganggu kekhusyukan solat kita.

Sebaik-baiknya tempat sujud hendaklah berwarna putih sahaja tanpa adanya sebarang gambar!

5. MELAFAZKAN NIAT DENGAN KUAT

Sudah menjadi budaya dalam masyarakat kita, melafazkan niat dengan kuat sebelum memulakan solat. Hal ini banyak dilakukan oleh para imam di masjid-masjid. Bagaimana mereka boleh bertaqlik atas nama mazhab Imam Shafi'i, padahal ia bukanlah dari ajaran dan pandangan Imam Syafi'i.

Malah ada juga jemaah yang melafazkannya dengan kuat sehingga mengganggu jema'ah di sebelahnya. Ini bertentangan dengan amalan Rasulullah SAW. Tidak ada nas sama sekali yang menunjukkan Rasulullah SAW melafazkan niat ketika memulakan solat. Niat tidak dil afazkan. Dan tidaklah disebutkan dari Rasulullah SAW dan tidak pula ada petunjuk dari sala h seorang sahabat bahwa niat itu dilafazkan.

Niat bererti mensengajakan diri untuk solat, menghambakan diri kepada Allah semata-mata, serta menguatkannya dalam hati.

Rasulullah SAW bersabda: ***"Semua amal tergantung pada niatnya dan setiap orang akan***

mendapat (balasan) sesuai dengan niatnya." **(Hadis riwayat Imam Bukhari, Muslim da n lain-lain) (Rujuk kitab Al Irwa', hadis no. 22).**

Abu Dawud bertanya kepada Imam Ahmad. Dia berkata, ***"Apakah orang solat mengataka n sesuatu sebelum dia takbir?"*** *Imam Ahmad menjawab,* ***"Tidak."*** **(Rujuk kitab Masaail a l Imam Ahmad hal 31 dan kitab Majmuu' al Fataawaa XXII/28).**

As Suyuthi berkata, ***"Yang termasuk perbuatan bid'ah adalah was-was (selalu ragu) sewaktu berniat solat. Hal itu tidak pernah diperbuat oleh Rasulullah SAW mahupun para shahabat beliau. Mereka dulu tidak pernah melafazkan niat solat sedikitpun selain hanya lafaz takbir."***

Malah Imam Syafi'i juga berkata, ***"Was-was dalam niat solat dan dalam thaharah termasu k kebodohan terhadap syariat atau membingungkan akal."*** **(Rujuk kitab Al Amr bi al It baa' wa al Nahy 'an al Ibtidaa').**

Maknanya, sesudah kita ambil wudhuk, kita mengadap ke arah kiblat. Lalu berniat dalam hati: ***"Sahaja aku solat fardhu zohor empat raka'at tunai kerana Allah Taala."*** *(Sekadar contoh).* Lalu kitapun bertakbir: ***Allahu Akbar.***

Tidak perlulah kita melafazkan **"USolli fardhu……………….."** sebagaimana yang diamalkan oleh kebanyakan kita kerana amalan melafazkan niat ini bertentangan dengan amalan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat. Ramai di kalangan kita, hanya tahu melafazkan niat tetapi tidak tahu pula makna yang dilafazkannya.

Ada yang mengatakan bahwa niat itu adalah salah satu rukun dari rukun-rukun solat maka hendaklah dimulai ketika mengangkat tangan takbiratul ihram sampai pada kata **akbar**, sebab rukun suatu amalan hendaklah berada di dalam amalannya.

Yang benar, niat adalah syarat semua amalan, bukan rukun dalam setiap amalan. Contohnya ketika solat. Rasulullah SAW bersabda kepada seorang lelaki yang rosak solatnya: ***"Jika kamu bangkit hendak solat, maka perbaguskanlah wudhukmu, kemudian mengadaplah ke arah kiblat lalu bertakbirlah, selanjutnya bacalah yang termudah bagimu dari Al-Qur'an…….."*** **(Hadis riwayat Imam Bukhari).**

Hadis ini sangat jelas menunjukkan bahwa Rasulullah SAW memerintahkan untuk memulai solat dengan perintah ***"bertakbirlah"***, bukan dengan ***"melafazkan niat"*** , dan tidak juga ***"bertakbirlah dan sertakan niat dalam takbirmu"***

(Hal ini banyak dilakukan oleh masyarakat kita di Malaysia. Menyertakan niat ketika melafazkan takbir! Ini tidak ada dalil sama sekali. Maka kerana itulah kita dapati ada orang yang takbiratul ihram berulang kali atas alasan niat tidak masuk sewaktu bertakbir). Na'uzubillah…………

Tidak ada suatu dalilpun daripada para sahabat yang mengatakan bahawa niat itu perlu dilafazkan. Ini kerana maksud kalimat ***"Jika kamu bangkit hendak solat…."*** sudah menunjukkan suatu maksud keinginan untuk solat. Itu sudah bermaksud 'niat'.

Sangat disayangkan adanya orang yang dihinggapi rasa was-was. Mereka terlihat seringkali dalam solat mengulang-ulang takbiratul ihram, bahkan sampai imam telah rukuk pun ia belum selesai bertakbiratul ihram. Alasannya, kerana niat belum masuk ketika takbiratul ihram. Astaghfirullah…….

Munculnya pendapat bahwa solat wajib melafazkan niat dengan lisan adalah dari kesalahan fahaman Abdullah bin Az-Zubairy dalam mentafsir ucapan Imam As-Syafi'i: "Jika seseorang berniat haji atau umrah maka sudah cukup, walaupun tidak dilafazkan. Berbeza dengan solat, tidak sah kecuali dengan ucapan." Abdullah Az-Zubairy mengatakan bahwa Imam As-Syafi'i mewajibkan lafaz niat ketika mahu memulakan solat".

Imam An-Nawawi menuturkan: Para sahabat kami berkata: ***"Telah tersalah orang ini (Abdullah Az-Zubairy), bukanlah yang dimaksud Imam As-Syafi'i dengan 'ucapan' itu niat, tetapi yang dimaksudkan adalah takbir."***

Jadi, menisbatkan 'Usholli…..' kepada Imam As-Syafi'i itu tidaklah benar. Kalau memang ada ulama' yang berpendapat seperti itu, maka seharusnya perkataan (sabda) dan amalan Rasulullah SAW wajib didahulukan, berbanding qaul para ulama'.

Dan inilah dalil yang sahih, akan tetapi ramai di kalangan kita tidak memerhatikan dalil ini dengan akal yang terbuka. Kita jadi tahsub semberono tanpa berpandukan kepada panduan Rasulullah SAW.

6. CARA ANGKAT TANGAN – TAKBIRATUL IHRAM

Macam-macam cara orang solat mengangkat tangan – takbiratul ihram. Ada yang angkat tangan sampai melepasi kepala. Ada orang angkat takbir ala kadarnya sahaja. Tidak mencontohi tatacara Rasulullah SAW mengangkat takbir.

Cara takbiratul Ihram Yang Benar

Berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar Radhiyallahu anhu , ia berkat a: ***"Rasulullah SAW biasa mengangkat kedua tangannya setentang bahu jika hendak me mulai solat, setiap kali bertakbir untuk rukuk dan setiap kali bangkit dari rukuknya."*** **(Hadis Muttafaqun 'alaih).**

Atau mengangkat kedua tangannya setentang telinga berdasarkan hadis riwayat Malik bin Al -Huwairits Radhiyallahu anhu, ia berkata: ***"Rasulullah SAW biasa mengangkat kedua tan gannya setentang telinga setiap kali bertakbir (di dalam solat)."*** **(Hadis riwayat Imam Muslim).**

Berdasarkan kedua-dua hadis ini, kita disunatkan mengangkat kedua-dua tangan ketika melakukan ***takbiratul ihram*** dengan mendedahkan tapak tangan tersebut serta menjarangkan sedikit jari-jarinya. Kedudukan kedua-dua tapak tangan itu sejajar dengan kedua bahunya serta jari-jarinya berada sejajar dengan telinga. Sunat ketika mengangkat tapak tangan itu sebaya dengan melafazkan takbir. **(Rujuk kitab: I'anah Ath-Thalibin, bab Ash-Shalah, Fasal Fi Shifat Ash-Shalah: 1/218-219)**

Demikian juga disunatkan menundukkan kepala sedikit dan melihat ke tempat sujud sebelum mengangkat takbir. **(Rujuk kitab Fath Al-'Allam, Fasal Fi Arkan Ash-Shalah, Furu' Tata'allaq Bi At-Takbir: 2/234)**

Disyaratkan juga kepada orang yang mengikut imam, mengakhirkan takbirnya sehingga imam sempurna melafazkan takbir. Jika takbir makmum tersebut mengiringi sebahagian takbir imam, maka dikira tidak sah solat makmum itu sebagaimana menurut As-Syarqawi. **(Rujuk kitab Fath Al-'Allam, Fasal Fi Arkan Ash-Shalah, Syuruth Shihhah At-Takbirah Al-Ula: 2/229)**

Wajib pula bagi orang yang mengerjakan solat itu mendengar setiap huruf takbir yang dilafazkannya ketika mengangkat *tabiratul ihram* tersebut. Sebagaimana dengan rukun *qauli* yang lainnya seperti membaca surah Al-Fatihah, *tahyat* dan salam. Hukum wajib mendengar itu adalah bagi orang yang baik pendengarannya. Sementara orang yang tidak baik pendengarannya seperti tuli atau disebabkan ada halangan untuk mendengar seperti riuh rendah tempat itu, maka tidaklah diwajibkan dia mendengarnya, akan tetapi wajib dia melafazkan takbir itu dengan suara yang tinggi atau nyaring dengan kadar apa yang dapat didengarnya jika dalam keadaan dia boleh mendengar. **(Rujuk kitab I'anah Ath-Thalibin, bab Ash-Shalah, Fasal Fi Shifat Ash-Shalah: 1/217-218)**

7. KEDUDUKAN TANGAN DI PERUT ATAU DI DADA?

Ada orang yang solat meletakkan tangan mereka di sekitar perut. Malah ada yang kata, sunnah meletakkan tangan di sisi kiri perut. Ada juga yang meletakkan tangan di bawah atau bertepatan dengan pusat. Ini bertentangan dengan tacara Rasulullah SAW. Sunnah Rasulullah SAW ialah meletakkan posisi tangan di dada.

Kedudukan Tangan Di Dada

Mendakapkan tangan di dada adalah perbuatan yang benar menurut sunnah berdasarkan hadi s: ***"Beliau meletakkan kedua tangannya di atas dadanya."*** **(Hadis diriwayatkan oleh Imam Abu Dawud, Ibnu Khuzaimah, Ahmad dari Wail bin Hujur).**

Rasulullah SAW meletakkan tangan kanan di atas tangan kirinya. Rasulullah SAW bersabda: ***"Kami, para nabi diperintahkan untuk segera berbuka dan mengakhirkan sahur serta me letakkan tangan kanan pada tangan kiri ketika mengerjakan solat."*** **(Hadis diriwayatka n oleh Imam Ibnu Hibban dan Adh Dhiya').**

Dalam sebuah riwayat lain pernah Rasulullah SAW melewati seorang yang sedang solat, teta pi orang ini meletakkan tangan kirinya pada tangan kanannya, lalu beliau melepaskannya, ke mudian orang itu meletakkan tangan kanannya pada tangan kirinya. **(Hadis riwayat Imam Ahmad dan Abu Dawud).**

Dari Wail bin Hujur Radhiyallahu anhu: ***"Lalu Rasulullah SAW bertakbir kemudian melet akkan tangan kanannya di atas telapak tangan kiri, pergelangan tangan kiri atau lengan kirinya"*** **(Hadis diriwayatkan oleh Imam Abu Dawud, Nasa'i, Ibnu Khuzaimah).**

8. MATA TIDAK MENGARAH KE TEMPAT SUJUD

Ketika sedang solat, janganlah mata kita berkeliaran ke sana sini. Ada setengah orang, matanya memandang orang lalu lalang. Perbuatan ini tidaklah sampai membatalkan solat tetapi bertentangan dengan sunnah Rasulullah SAW.

Ketika mengerjakan solat, Rasulullah SAW menundukkan kepalanya dan hanya mengarahka n pandangannya ke tempat sujud. Hal ini didasarkan pada hadis yang diriwayatkan oleh Um mul Mukminin 'Aisyah Radhiyallahu 'anha : ***"Rasulullah SAW tidak mengalihkan pandan gannya dari tempat sujud (di dalam solat)."*** **(Hadis Riwayat Imam Baihaqi)**

Rasulullah SAW melarang keras mendongakkan kepala ke langit (ketika solat). Dari Abu Hu rairah Radhiyallahu anhu, bahwa Rasulullah SAW bersabda: ***"Hendaklah sekelompok oran g benar-benar menghentikan pandangan matanya yang terangkat ke langit ketika solat at au hendaklah mereka benar-benar menjaga pandangan mata mereka."*** **(Hadis riwayat Imam Muslim, Nasa'i dan Ahmad).**

Rasulullah SAW juga melarang seseorang menoleh ke kanan atau ke kiri ketika solat, beliau bersabda: ***"Jika kalian solat, janganlah menoleh ke kanan atau ke kiri kerana Allah akan***

senantiasa menghadapkan wajah-Nya kepada hamba yang sedang solat selama ia tidak m enoleh ke kanan atau ke kiri." **(Hadis riwayat Imam Termidzi dan Hakim).**

Dalam **Kitab Zaadul Ma'aad (I/248)** disebutkan bahwa makruh hukumnya orang yang seda ng solat menolehkan kepalanya tanpa ada sebarang keperluan. Ibnu Abdil Bar berkata, "Jum hur ulama' mengatakan bahawa menoleh yang ringan tidak menyebabkan solatnya menjadi r osak."

Juga dimakruhkan solat di hadapan sesuatu yang boleh merosakkan kekhusyukan solat atau d i tempat yang ada gambar-gambarnya, di atas sejadah yang ada lukisan atau ukiran, di hadap an dinding yang bergambar dan sebagainya.

Anehnya, kebanyakan sejadah yang kita gunakan semuanya bergambar! Apalagi di sebahagian besar masjid kita, di karpet utama terdapat gambar bunga atau sebagainya, yang tentunya bertentangan dengan sunnah dan boleh menghilangkan kekhusyukan solat kita. Sebaik-baiknya, hendaklah dilapik dengan kain putih di tempat sujud.

9. MEMBACA FATIHAH DENGAN CEPAT!

Ramai di kalangan kita membaca surah Fatihah dan surah-surah lainnya dengan cepat. Seolah-olah ada pertandingan 'siapa cepat dia menang'! Hal ini langsung bukan dari petunjuk dan ajaran Rasulullah SAW.

Rasulullah SAW membaca surah Al-Fatihah dengan berhenti pada setiap akhir ayat (waqaf), tidak menyambungkan satu ayat dengan ayat berikutnya (washal). Ummu Salamah Radhiallahu 'anha meriwayatkan ketika menjelaskan cara bacaan Rasulullah *SAW,* beliau berkata*:* ***"Sesungguhnya Baginda SAW memutus-mutuskan (mewaqaf) bacaannya (surah al-Fatihah) seayat demi seayat"*** **(Hadis riwayat Imam Ahmad)**

Begitu juga berdasarkan riwayat yang mutawatir yang dikeluarkan oleh Imam Ar Razi, Ibnu Abi Dawud, Abu Nu'aim dan Al Hakim. Para imam hendaklah memerhatikan hal ini. Ada ramai di kalangan imam jemaah, membaca fatihah dan surah lainnya dengan begitu cepat, sehinggakan makmum terpaksa mengejar imam dan ini menyebabkan makmum kehilangan khusyuk ketika solat.

Membaca dengan tenang seayat demi seayat mengikut kaedah bacaan Rasulullah SAW ini pada hakikatnya, akan lebih mendatangkan kekhusyukkan, di samping memudahkan kita untuk merenung, menghayati serta memahami maksud ayatnya satu persatu. Ini tidak syak lagi akan menimbulkan rasa kemanisan ibadah terhadap Allah *Subhanahuwa Ta'ala*.

Imam Ghazali berkata: Ketahuilah bahawa sesungguhnya bacaan secara tartil itu disunatkan bukanlah semata-mata untuk merenung maksud ayatnya sahaja, bahkan orang-orang yang tidak memahami makna ayat al-Qur'an pun disunatkan supaya membacanya secara tartil dan tenang, kerana ini lebih menunjukkan rasa sopan dan hormat terhadap al-Qur'an, dan akan mendatangkan kesan yang lebih mendalam di dalam jiwa daripada membacanya secara tergopoh-gapah dan tergesa-gesa.

10. MAKMUM SIBUK BACA FATIHAH DI BELAKANG IMAM

Ketika imam membaca surah lain sesudah surah Al Fatihah (ketika solat berjemaah) makmum pula sibuk membaca surah fatihah. Ini dapat kita perhatikan ketika solat berjemaah subuh, maghrib dan 'isyak.

Jelas bagi kita kalau sedang solat sendirian maka wajib kita membaca Al-Fatihah, begitu juga ketika solat berjema'ah, ketika imam membacanya secara sirr (tidak diperdengarkan atau perlahan) yakni pada solat Zhuhur, 'Asar, satu raka'at terakhir solat Mahgrib dan dua raka'at terakhir solat 'Isyak, maka para makmum wajib membaca surah Al-Fatihah tersebut secara sendiri-sendiri dengan tidak mengeraskan bacaan tersebut.

Lantas bagaimana kalau imam membaca secara jahar/keras…?
Tentang hal ini pernah suatu ketika Rasulullah SAW melarang makmum membaca surah di belakang imam kecuali surah Al-Fatihah: ***"Betulkah kalian tadi membaca (surah) di belakang imam kalian?"*** Kami menjawab: ***"Ya, tapi dengan cepat wahai Rasulullah*"**.
Bersabda Rasulullah SAW**:** ***"Kalian tidak boleh melakukannya lagi kecuali membaca Al-Fatihah, kerana tidak ada solat bagi yang tidak membacanya."*** **(Hadis diriwayatkan oleh Imam Bukhari, Abu Dawud, dan Ahmad)**

Selanjutnya Rasulullah SAW melarang makmum membaca surah apapun ketika imam membacanya dengan jahar (diperdengarkan) baik ianya surah Al-Fatihah maupun surah lainnya.

Hal ini selaras dengan keterangan dari Imam Malik dan Ahmad bin Hanbal tentang wajibnya makmum diam bila imam membaca dengan jahar atau mengeraskan bacaannya. Berdasar sabda Rasulullah SAW: Dari Abu Hurairah Radhiyallahu anhu, ia berkata: Telah berkata Rasulullah SAW**:** ***"Dijadikan imam itu hanya untuk diikuti. Oleh kerana itu apabila imam bertakbir, maka bertakbirlah kalian, dan apabila imam membaca, maka hendaklah kalian diam (sambil memperhatikan bacaan imam itu)"*** **(Hadis dikeluarkan oleh Imam Ahmad, Abu Dawud no. 603 & 604. Ibnu Majah no. 846 dan An-Nasa'i).**

Abu Hurairah Radhiyallahu anhu ditanya, ***"Wajibkah kami membaca di belakang imam?"*** *Abu Hurairah menjawab,* ***"Bacalah (Al Fatihah) di dalam hatimu"……(Hadis riwayat Imam Muslim)***

Dalam satu hadis lain, dari Abu Hurairah Radhiyallahu anhu, sesungguhnya Rasulullah SAW sesudah mendirikan solat yang beliau keraskan bacaanya dalam solat itu, beliau bertanya: ***"Apakah ada seseorang di antara kamu yang membaca bersamaku tadi?" Maka seorang laki-laki menjawab, "Ya ada, wahai Rasulullah."*** *Kemudian beliau berkata,* ***"Sungguh aku katakan: Mengapakah (bacaan) ku ditentang dengan Al-Qur'an (juga)."***

Berkata Abu Hurairah Radhiyallahu anhu, ***"kemudian berhentilah orang-orang daripada membaca bersama Rasulullah SAW pada solat-solat yang Rasulullah SAW keraskan bacaannya, ketika mereka sudah mendengar (larangan) yang demikian itu dari Rasulullah SAW".*** **(Hadis dikeluarkan oleh Imam Abu Dawud, At Termidzi, An Nasa'i dan Malik).**

Hadis-hadis tersebut merupakan dalil yang tegas dan kuat tentang wajib diamnya makmum apabila mendengar bacaan imam, baik ketika bacaan surah Al-Fatihahnya mahupun surah yang lain. Selain itu juga berdasarkan firman Allah Ta'ala yang bermaksud ***"Dan apabila dibacakan Al-Quran hendaklah kamu dengarkan ia dan diamlah sambil memperhatikan (bacaannya), agar kamu diberi rahmat."*** **(Surah Al-A'raaf ayat 204).**
Ayat ini asalnya berbentuk umum yakni di mana saja kita mendengar bacaan Al-Qur-an, baik di dalam solat mahupun di luar solat, wajib diam mendengarkannya. Tetapi umumnya ayat ini telah menjadi khusus dan tertentu (wajibnya) hanya untuk solat, sebagaimana telah diterangkan oleh Ibnu Abbas, Mujahid, Sa'id bin Jubair, Adh Dhohak, Qotadah, Ibrahim An Nakha'i, Abdurrahman bin Zaid bin Aslam dan lain-lain. (**Lihat Kitab Tafsir Ibnu Katsir II/280-281).**

11. TIDAK MENGERASKAN BACAAN 'AMIIN'

Ramai di kalangan jemaah begitu malas untuk mengeraskan bacaan amin sesudah imam selesai membaca surah fatihah. Ini bertentangan sama sekali dengan sunnah Rasulullah SAW. ***"Bila Rasulullah SAW selesai membaca Al-Fatihah (dalam solat), beliau mengucapkan amiin dengan suara keras dan panjang."*** **(Hadis dikeluarkan oleh Imam Bukhari dan Abu Dawud)**

Hadis tersebut mensyari'atkan para imam untuk mengeraskan bacaan amin. Demikian yang menjadi pendapat Imam Bukhari, As-Syafi'i, Ahmad, Ishaq dan para imam fikih lainnya.
Dalam shahihnya, Bukhari membuat suatu bab dengan judul ***'baab jahr al-imaan bi al-ta-miin'*** (ertinya: bab tentang imam mengeraskan suara ketika membaca amin). Di dalamnya dinukil perkataan (atsar) bahawa Ibnu Al-Zubair membaca amin bersama para makmum sampai **seakan-akan ada gema atau bergaung dalam masjidnya**.

"Bila imam selesai membaca "ghoiril maghdhuubi 'alaihim waladhdhooolliin", ucapkanlah amiin (kerana malaikat juga mengucapkan amiin dan imam pun mengucapkan amiin). Dalam riwayat lain: "(***Apabila imam mengucapkan amiin, hendaklah kalian mengucapkan amiin) barangsiapa ucapan aminnya bersamaan dengan malaikat,*** (dalam riwayat lain disebutkan: ***"bila seseorang di antara kamu mengucapkan amin dalam solat bersamaan dengan malaikat di langit mengucapkannya), dosa-dosanya masa lalu diampuni."*** **(Hadis diriwayatkan oleh Imam Bukhari, Muslim, An-Nasa'i dan Ad-Darimi)**

Rasulullah SAW bersabda: ***"Jika imam membaca amiin maka hendaklah kalian juga membaca amiin."*** Hal ini mengisyaratkan bahwa membaca amiin itu hukumnya wajib bagi makmum.

Pendapat ini diperkuatkan oleh Asy-Syaukani. Namun hukum wajib itu tidak mutlak dilakukan oleh makmum. Mereka diwajibkan membaca amiin ketika imam juga membacanya. Adapun bagi imam dan orang yang solat sendiri, maka hukumnya hanya sunnah. **(Rujuk kitab Nailul Authaar, II/262).**

12. TIDAK MELAKUKAN *THUMA'NINAH* DENGAN SEMPURNA

Solat ekspres! Inilah kesilapan yang paling ramai dilakukan. Ramai di kalangan kita yang mengerjakan solat tidak memberi perhatian yang sewajarnya terhadap ***"thuma'ninah".*** Malah ada di kalangan imam jema'ah juga tidak menyempurnakan ***"thuma'ninah"*** ini.

Ini dapat diperhatikan ketika imam berpindah rukun. Hal ini jelas kedengaran kerana mikrofon kecil yang disangkut di baju imam membuktikan imam tidak menyempurnakan ***"thuma'ninah".***

Suara imam jelas kedengaran…….ketika imam rukuk, " □□ □□□ □□□", senafas sahaja.

Maksudnya bersambungan lafaz " □□ □□□ □□□" dengan . Mana ***"thuma'ninah"***nya?

Sebetulnya, " □□□□ □□□□"bergerak ke rukun rukuk. Dah betul-betul *confirm* rukuk atau tenang dalam rukuk (setidak-tidaknya ambillah nafas dulu), barulah kita baca (sekurang-kurangnya 3 kali bacaan). Tenangkan diri terlebih dahulu di setiap peralihan rukun sebelum membaca tasbih atau zikir rukun berkenaan. Bacalah dengan tartil. Jangan baca secara kelam kabut. Tenangkan diri di setiap peralihan rukun.

Susahkah kita hendak menyempurnakan ***"thuma'ninah"*** sebegini – solat dengan 'tenang'? Bukankah solat itu bermakna kita sedang bermunajat kepada Allah Subhanahuwa Ta'ala? Bermunajat dengan Allah Subhanahuwa Ta'ala pun secara kelam kabut ke!

Masya-Allah…………Sabda Rasulullah SAW: ***"Seburuk-buruk pencuri adalah orang yang mencuri (dalam) solatnya."*** *Para sahabat bertanya:* ***"Ya Rasulullah, bagaimana mungkin ia mencuri (dalam) solatnya?*** *Rasulullah SAW menjawab:* ***"Yaitu mereka yang tidak menyempurnakan rukuk dan sujud."*** **(Hadis riwayat Imam Thabrani dan Hakim).**

"Thuma'ninah" adalah salah satu rukun solat. Apabila kita tidak mengerjakan rukun solat, maka hukumnya solat kita jadi tidak sah. Solat tanpa **"thuma'ninah"** tidak akan diterima Allah Ta'ala.

Dari Abu Hurairah Radhiyallahu anhu, sabda Rasulullah SAW: ***Apabila engkau hendak solat, sempurnakanlah wudhuk, kemudian mengadap kiblat lalu bertakbir. Kemudian bacalah dari ayat Al-Qur'an mana yang kamu dapat, kemudian rukuklah hingga engkau tenang dalam rukuk lalu bangkitlah dari rukuk (i'tidal) hingga kamu tegak lurus berdiri. Kemudian sujudlah hingga engkau tenang dalam sujud dan bangkitlah dari sujud sehingga engkau tenang dalam duduk antara dua sujud. Kemudian sujud lagi sehingga engkau tenang dalam sujud. Berbuatlah dengan cara yang demikian itu pada semua solatmu."*** **(Hadis riwayat Imam Bukhari dan Muslim).**

Perhatikan perkataan**…..hingga kamu tenang, hingga kamu tenang, hingga kamu tenang.**

Sebanyak tiga kali Rasulullah SAW mengulanginya. Ini bermakna Rasulullah SAW mengkehendaki kita menitik beratkan **thuma'ninah.**

Ada orang solat, sewaktu angkat takbir, langsung saja baca do'a iftitah. Tidak memerhatikan **thuma'ninah.** Kalau rukuk, asal rukuk ala kadar sahaja, belumpun *confirm* rukuknya itu benar-benar berada dalam posisi rukuk, dah mula nak bangun i'tidal. Inilah rupa solat orang zaman sekarang!

Perhatikan amaran ini, dari Abu Mas'ud Al-Badri Radhiyallahu anhu, bahwa ia berkata, Rasulullah SAW bersabda: ***"Solat seseorang itu tidak sah, sebelum ia meluruskan punggungnya baik ketika rukuk mahupun sujud".*** **(Hadis riwayat Imam Abu 'Awwanah dan Abu Dawud)**

Cara Rukuk Yang Benar

Sewaktu rukuk, pastikan punggung kita benar-benar berada dalam keadaan rukuk, ambil nafas dulu, barulah kita baca bacaan rukuknya. Bacalah سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيمِ secara tertib. Ambil tahu maknanya. Jangan baca sahaja tetapi tidak tahu apa maknanya. Jangan baca kelam kabut. Baca secara tartil 3 kali tasbihnya (sekurang-kurangnya). Ada riwayat yang mengatakan para sahabat membaca sekurang-kurangnya 10 kali. Sebelum bangun, tarik dulu nafas….baru kita bangun. Itulah maksud**….hingga kamu tenang.**

"Rasulullah SAW bila rukuk, baginda meluruskan dan membentangkan punggungnya sehingga bila air dituangkan di atas punggung baginda, air tersebut tidak akan

bergerak." **(Hadis diriwayatkan oleh Imam Thabrani, Abdullah bin Ahmad dan ibnu Majah)**

Antara kepala dan punggung hendaklah lurus, kepala tidak mendongak dan tidak pula menunduk ke bawah tetapi tengah-tengah antara kedua keadaan tersebut.

"Rasulullah SAW tidak mendongakkan kepalanya dan tidak pula menundukkannya." **(Hadis diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Abu Dawud)**

Perhatikan hadis ini. ***"Rasulullah SAW menjadikan rukuk, berdiri setelah rukuk (i'tidal) dan sujudnya, juga duduk antara dua sujud hampir sama lamanya."*** **(Hadis diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim).**

Dan bandingkan pula dengan solat kita. Apakah rukuk, i'tidal, sujud dan duduk antara dua sujud yang kita lakukan selama ini, sama lamanya? Rukuk kita….tak sampaipun 5 saat. Sujudpun asal cecah dahi sahaja!

Jangan rukuk ala kadar, jangan baca kelam kabut. Ini semua boleh membatalkan solat kita. Begitu juga ketika i'tidal. Bangkitlah dari rukuk dengan tenang. Bacalah سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ dengan tertib. Jangan cepat nak sujud. Tenangkanlah diri terlebih dahulu sebelum bergerak ke rukun sujud.

Pastikan disertai dengan mengangkat kedua tangan sebagaimana waktu takbiratul ihram. Hal ini berdasarkan keterangan beberapa hadis, di antaranya: Dari Abdullah bin Umar Radhiyallahu anhu, ia berkata: ***"Aku melihat Rasulullah SAW apabila berdiri dalam solat mengangkat kedua tangannya sampai setentang kedua bahunya, hal itu dilakukan ketika bertakbir mahu rukuk dan ketika mengangkat kepalanya (bangkit) dari rukuk sambil mengucapkan*** سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ **(Hadis diriwayatkan oleh Imam Bukhari, Muslim dan Malik).**

Pastikan i'tidal kita benar-benar tegak berdiri sebelum menuju ke rukun sujud. Ini berdasarkan kepada sebuah hadis yang bermaksud:***"Kemudian angkatlah kepalamu sampai engkau berdiri dengan tegak (sehingga tiap-tiap ruas tulang belakangmu kembali pada tempatnya)."***

(Dalam riwayat lain disebutkan: ***"Jika kamu berdiri i'tidal, luruskanlah punggungmu dan tegakkanlah kepalamu sampai ruas tulang punggungmu benar-benar tegak berdiri)."*** **(Hadis diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim, dan riwayat lain oleh Imam Ad-Darimi, Hakim dan Ahmad)**

Malah Allah Subhanahu Wa Ta'ala tidak sudi melihat orang yang mengerjakan solat yang tidak melakukan *"thuma'ninah"* ketika i'tidal sebagaimana sabda Rasulullah SAW: ***"Allah tidak akan melihat solat seorang hamba yang tidak meluruskan tulang rusuknya di antara rukuk dan sujud (yakni i'tidal)."*** **(Hadis riwayat Imam Ahmad dan Thabrani – sila rujuk kitab *Al-Mu'jam Al-Kabir*).**

Masya-Allah, apa jadi dengan solat kita sekiranya Allah Subhanahu Wa Ta'ala pun tidak sudi melihat solat kita, sebagaimana maksud hadis ini. Alangkah bodoh dan ruginya kita, selama ini kita mengerjakan solat tidak menitik-berat atau tidak memperdulikan kesempurnaan "*thuma'ninah*". Solatlah dengan tenang, dengan menitikberatkan "*thuma'ninah*".

Ketika sujud, kita hendaklah benar-benar berada dalam posisi sujud. Tenang dulu, tarik nafas dahulu sebelum membaca سُبْحَانَ رَبِّيَ الأَعْلَى
Bacalah dengan tertib dan tenang. Pastikan dahulu, dahi dan hidung benar-benar menempel di sejadah/tempat sujud. Ramai di kalangan kita, asal dahi cecah tempat sujud, langsung sahaja membacanya. Awas! Hidung hendaklah menyentuhi tempat sujud.

Malah ada juga yang ″ □□□□ □□□□ ″ bersambungan dengan **bacaan sujud** (senafas sahaja). Langsung tidak ada "*thuma'ninah*"nya. Jangan kelam kabut! Begitu juga ketika beralih rukun kepada duduk antara dua sujud.

Hendaklah kita tenang dalam setiap pergerakan rukun. Sekali lagi ditegaskan, jangan solat kelam kabut. Kerana solat secara kelam kabut, boleh membatalkan solat kita.

Mahukah kita termasuk dalam golongan ***"Sebetulnya engkau tidak solat. Kalau engkau mati (dengan mengerjakan solat yang sedemikian rupa), maka engkau mati bukan di dalam agama Muhammad SAW."*** Na'uzubillah…….

13. HIDUNG DAN DAHI TIDAK MENYENTUH TEMPAT SUJUD

Ini satu hal juga. Sewaktu sujud, kepala macam nak menungging! Ubun kepala yang mencecah sejadah. Dahi dan hidung entah ke mana! Ada juga orang yang dahinya berlapik kopiah, serban tebal atau songkok. Dahi dan hidungnya tetap tidak kena tempat sujud.

Waktu sujud, yang kena tempat sujud hanya kopiah, serban tebal atau songkoknya. Dahinya terselindung di sebalik kopiah, serban tebal atau songkok. **Ini mengakibatkan solatnya jadi tidak sah.**

Sujud: Dahi Dan Hidung Wajib Menempel Sejadah

Cara Sujud Yang Salah
(Siku tidak boleh menempel sejadah)

Rasulullah SAW bersabda: "***Kami diperintahkan untuk sujud dengan tujuh anggota; kening (dan beliau mengisyaratkan dengan tangannya sampai ke hidungnya), dua tangan, dua lutut dan dua telapak kaki.*" **(Hadis Muttafaqun Alaih).**

Pastikan dahi dan hidung benar-benar menempel di tempat sujud. Jangan dahi sahaja. Sabda Rasulullah SAW: ***"Tidak sah solatnya orang yang tidak menyentuhkan hidungnya ke tanah (tempat sujud), sebagaimana ia menyentuhkan dahinya"*. (Hadis riwayat Imam Daraquthni dan Hakim)**

Dari Abu Humaid As-Sa'diy Radhiyallahu anhu , ***"Bahwasanya Rasulullah SAW bila sujud maka menekankan hidung dan dahinya di tanah (tempat sujud) serta menjauhkan kedua tangannya dari dua sisi perutnya (rusuk), telapak tangannya diletak setentang dua bahu."*** **(Hadis riwayat Imam Termidzi)**

14. KEDUDUKAN SIKU DAN KAKI KETIKA SUJUD

Ada juga orang yang solat, merapatkan siku ke lantai. Sepatutnya waktu sujud, tapak tangan hendaklah menekan ke lantai bersetentangan dengan bahu atau boleh juga bersetentangan dengan kedua anak telinga dan sikunya hendaklah diangkat.

Dari Anas bin Malik, dari Rasulullah SAW bersabda:***"…………… dan jangan kamu menghamparkan kedua lenganmu (tangan) seperti anjing menghamparkan kakinya (sebagaimana anjing menghamparkan kaki depannya).*** **"(Hadis diriwayatkan oleh jama'ah kecuali An-Nasa'i)**

"Rasulullah SAW mengangkat kedua lengannya dari lantai (tempat sujud) dan merenggangkannya dari badan sehingga warna putih ketiak baginda jelas kelihatan dari belakang" **(Hadis diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim).**

Sujud: Kedua Kaki Hendaklah Rapat

Keadaan kaki juga hendaklah diperhatikan. Ramai meremehkan kedudukan kaki ketika sujud. Adakalanya ditegakkan dan yang ada ala kadar sahaja. Berkata Aisyah Radhiyallahu ' anha**:** ***"Aku kehilangan Rasulullah SAW padahal beliau tadi tidur bersamaku, kemudian aku dapati beliau tengah sujud dengan merapatkan kedua tumit (kaki)nya (dan) menghadapkan hujung-hujung jari kakinya ke kiblat."*** **(Hadis diriwayatkan oleh Imam Hakim dan Ibnu Huzaimah)**

15. TIDAK AMBIL KESEMPATAN BERDO'A KETIKA SUJUD

Alangkah ruginya orang yang memendekkan atau mempercepatkan sujudnya. Ini kerana ketika sujud, kita digalakkan berdo'a. Kesempatan berdo'a ketika sujud, adalah ruang berdo'a yang paling afdhal dan segera dimakbulkan Allah Subhanahuwa Ta'ala.

Ini berdasarkan hadis berikut: ***"Adapun ketika rukuk maka agungkanlah Rabb-mu, sedangkan ketika sujud bersungguh-sungguhlah dalam berdo'a, nescaya segera dikabulkan untuk kalian"*** **(Hadis diriwayatkan oleh Imam Muslim).**

Diriwayatkan pula oleh Muslim dari Abu Hurairah Radhiyallahu anhu, bahwa Rasulullah SAW bersabda. "***Jarak yang paling dekat antara seorang hamba dengan Tuhannya adalah ketika sujud, maka perbanyaklah do'a (ketika itu)".*** Maka dengan itu hendaklah kita memperlamakan sujud sambil berdoa kepada Allah Ta'ala.

Rasulullah SAW bersabda***, "Seorang hamba tidak akan pernah lebih dekat kepada Allah Ta'ala, kecuali ketika ia tengah bersujud."*** **(Hadis riwayat Imam Muslim).**

Dari Saad bin Jubair pernah berkata***, "Tiada sesuatu pun di dunia ini yang kumintai pertolongan kecuali melalui sujud dalam solat."*** Sedang 'Uqbah bin Muslim berkata, ***'Tiada sesuatu pada manusia yang lebih disukai Allah selain memperlama perjumpaan dengan-Nya. Dan tiada saat dalam kehidupan manusia yang teramat dekat dengan-Nya, kecuali ketika ia tersungkur bersujud kepada-Nya."***

Berdo'a ketika sujud, merupakan salah satu tempat untuk berdo'a yang paling afdhal. **"Nescaya segera dikabulkan untuk kalian".** Alangkah ruginya orang yang tidak berdo'a ketika sujud. Setiap kali sujud, itulah ruang terbuka luas untuk kita berdo'a.

Jangan hanya berdo’a ketika sujud kedua di rakaat terakhir sahaja sebagaimana yang banyak dilakukan orang! Berdo’alah di setiap kesempatan ketika sedang sujud.

16. TIDAK MENEGAKKAN KAKI KANAN KETIKA DUDUK ANTARA DUA SUJUD DAN TAHYAT

Ada juga kita lihat orang duduk di atas dua tapak kakinya secara menegakkan kedua kakinya. Ada pula yang duduk di atas kedua tapak kaki. Bukan duduk di atas tapak kaki kiri dan tapak kaki kanan ditegakkan.

Duduk ini dilakukan antara sujud yang pertama dan sujud yang kedua, pada raka'at pertama sampai raka’at terakhir. Cara duduk antara dua sujud, duduk iftirasy (duduk dengan meletakkan punggung pada buku lali kaki kiri dan kaki kanan ditegakkan di atas jari-jarinya).

Hal ini berdasar hadis: Dari 'Aisyah Radhiyallahu 'anha berkata: ***"Dan Nabi SAW ketika duduk antara dua sujud, beliau duduk di atas kaki beliau yang kiri dan menegakkan kaki yang kanan, beliau melarang dari duduknya syaithan."*** **(Hadis diriwayatkan oleh Imam Muslim dan Ahmad)**

Dari Rifa'ah bin Rafi' Radhiyallahu anhu, bersabda Rasulullah SAW: ***"Apabila engkau sujud maka tekankanlah (dahi dan hidung) dalam sujudmu lalu kalau bangun (duduk antara 2 sujud) duduklah di atas pahamu (kaki) yang kiri."*** **(Hadis diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Abu Dawud)**

Kaki Kanan Ditegakkan Ketika Duduk Antara Dua Sujud dan Tahyat Awal

Waktu duduk antara dua sujud ini, telapak kaki kanan ditegakkan dan jarinya diarahkan ke kiblat: ***Rasulullah SAW menegakkan kaki kanannya*** **(Hadis riwayat Imam Bukhari)** ***Menghadapkan jari-jemari kakinya ke kiblat*** **(Hadis riwayat Imam An-Nasa’i)**

رَبِّ اغْفِرْلِي وَارْحَمْنِي وَاجْبُرْنِي وَارْفَعْنِي
وَارْزُقْنِي وَاهْدِنِي وَعَافِنِي وَاعْفُ عَنِّي

Dan bacalah dengan tenang. Ada 8 permohonan yang kita panjatkan ketika duduk antara 2 sujud ini.
Fahami apakah 8 permohonan ini dengan sebaik-baiknya. Takkanlah kita minta 8 permohonan ini daripada Allah secara sambil lewa tanpa pengertian yang sewajarnya – secara kelam kabut! Duduk antara 2 sujud ala kadar – langsung nak sujud. MasyaAllah! Kita berdo'a kepada Allah tetapi secara sambil lewa.

17. MENYINGSING LENGAN BAJU DAN MENYELAK RAMBUT

Ramai di kalangan kita suka sangat tidak menggunakan songkok atau kopiah ketika solat. Dan ada pula mereka yang suka menyelak atau menyingsing lengan baju ketika solat.

Larangan menyelak atau menyingsing lengan baju dan menyelak rambut (ketika sujud) agar tidak terjurai bukan sahaja ketika solat tetapi sebelum solat lalu ia melaksanakan solat. Dan menurut jumhur ulama' ia termasuk dalam larangan dan dikuatkan oleh hadis Rasulullah SAW yang menyatakan bahawa orang yang solat tidak boleh menyelak rambutnya ketika sujud.

"Aku diperintahkan untuk bersujud dengan tujuh anggota badan, iaitu kening sekaligus hidung, dua tapak tangan dua lutut, jari-jari kedua kaki, dan kami tidak boleh menyelak lengan baju dan rambut" **(Hadis riwayat Imam Bukhari dan Muslim).**

Imam Nawawi Rahimahullahu Ta'ala bekata: Para ulama' telah bersepakat tentang larangan melakukan solat dengan pakaian atau lengan bajunya tersingsingkan. (**Rujuk Syarah Sohih Muslim 4/209)**

Setelah an-Nawawi membicarakan tentang hal ini pada pembicaraan sebelumnya, dia berkata: "Larangan menyingsingkan pakaian adalah larangan ***makruh tanzih*** (pembersihan). Kalau dia solat dalam keadaan seperti itu, bererti dia telah memperburukkan solatnya, meskipun solatnya tetap sah. Dalam perkara itu Abu Ja'far Muhammad bin Jarir ath-Thabari berhujjah dengan ijma' ulama. Sedangkan Ibnu Mundzir telah menceritakan tentang pendapat wajibnya mengulangi solat dari al-Hasan al-Basri. **(Rujuk Syarah Sohih Muslim 4/209)**

18. CARA BANGUN MENUJU KE RAKA'AT KEDUA DAN KEEMPAT

Memanglah boleh (tidak salah) kita terus bangun berdiri setelah sujud kedua di raka'at pertama. Tetapi sebaik-baiknya hendaklah kita mencontohi adab Rasulullah SAW ketika bangun sesudah sujud kedua di raka'at pertama (juga diraka'at ketiga solat zohor, asar dan isyak).

Dari Malik bin Huwairits Radhiyallahu anhu bahwasanya dia melihat Rasulullah SAW solat, "***maka bila pada raka'at yang ganjil tidaklah beliau terus bangkit, beliau duduk terlebih dulu dengan lurus (sebelum bangkit ke raka'at seterusnya)."*** **(Hadis riwayat Imam Bukhari, Abu Dawud dan Termidzi).**

Kemudian Rasulullah SAW bertompang (dengan tangannya) pada lantai ketika bangkit ke raka'at kedua. **(Hadis riwayat Imam Bukhari)**

19. DUDUK TAHYAT AWAL DENGAN TAHYAT AKHIR TIADA BEZANYA

Ramai di kalangan kita tidak membezakan cara duduk tahyat pertama dengan tahyat terakhir. Mereka duduk tahyat akhir sama sahaja dengan cara duduk tahyat pertama atau tahyat awalnya.

Duduk tahiyat awal terdapat hanya pada solat yang jumlah raka'atnya lebih dari dua raka'at pada solat wajib dan dilakukan pada raka'at yang kedua. Sedang duduk tahiyat akhir dilakukan pada raka'at yang terakhir. Masing-masing dilakukan setelah sujud yang kedua.

Cara Duduk Tahyat Awal Dan Tahyat Akhir

Waktu tahyat awal duduknya iftirasy (duduk di atas telapak kaki kiri) sedangkan pada tahyat akhir duduknya tawaruk (duduk dengan kaki kiri dihamparkan ke samping kanan dan duduk di atas lantai, pada masing-masing posisi kaki kanan ditegakkan.

Duduk tahyat awal ***Duduk Tahyat Akhir*** ***Kedudukan tangan***

Dari Abi Humaid As-Sa'idiy tentang sifat solat Rasulullah SAW, dia berkata, ***"Maka apabila Rasulullah SAW duduk dalam dua raka'at (tahyat awal) beliau duduk di atas kaki kirinya dan bila duduk dalam raka'at yang akhir (tahyat akhir) beliau majukan kaki kirinya dan duduk di tempat kedudukannya (lantai)."*** **(Hadis diriwayatkan oleh Abu Dawud)**

20. BERDO'A SESUDAH BACAAN TAHYAT AKHIR

Ramai di kalangan kita, apabila selesai membaca tahiyyat akhir, terus beri salam. Memang tidak salah. Tetapi dari tunjuk ajar Rasulullah SAW, baginda mengajarkan para sahabat supaya berdo'a terlebih dahulu sebelum memberi salam. Macam-macam do'a yang diajarkan oleh Rasulullah SAW sesudah tahiyyat akhir.

Antaranya yang paling popular ialah, dari Abu Hurairah Radhiyallahu anhu: berkata Rasulullah SAW: ***"Apabila kamu telah selesai tahyat akhir maka hendaklah berdo'a berlindung kepada Allah dari empat perkara:***

اَللّٰهُمَّ اِنِّي أَعُوذُبِكَ مِنْ عَذَابِ جَهَنَّمَ وَمِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ
وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ وَمِنْ شَرِّ فِتْنَةِ الْمَسِيْحِ الدَّجَّالِ

Ertinya: ***"Ya Allah! Aku berlindung kepada-Mu dari siksa neraka jahannam, siksa kubur, fitnah kehidupan dan kematian serta fitnahnya Al-Masiihid Dajjaal."*** **(Hadis diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim)**

Atau boleh juga berdo'a dengan do'a lainnya
…kemudian (supaya) dia memilih do'a yang dia senangi…
(Berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Ahmad)

21. MENYAPU MUKA SESUDAH SALAM

Ada orang kata, sesudah salam, disunatkan menyapu muka. Saya tercari-cari hadis yang menyatakan sunnah menyapu muka. Malah yang saya temui adalah seperti berikut:
Ath-Thabarani meriwayatkan dari Anas Radhiyallahu anhu katanya: ***"Rasulullah SAW apabila selesai solatnya, baginda menyapu dahinya dengan telapak tangan kanannya"***
Hadis ini sangat dha'if. Ia diriwayatkan juga oleh Ibnu Sam'un dari Salam Al-madini dari Zaid Al'Ammi dari Anas . Yang dituduh ialah Salam Al-Madini iaitu Ath-Thawil seorang pembohong dan Zaid Al'-Ammi adalah seorang yang dha'if . (Sumber: **Himpunan Hadis Dhaif dan Maudhu' (Jld 1) - Drs Abdul Ghani Azmi - m.s. 309)**

Abu Nu'aim meriwayatkan dari Anas bin Malik Radhiyallahu anhu katanya***: "Adalah Rasulullah SAW apabila selesai solatnya beliau menyapu dahinya dengan telapak tangan kanannya kemudian melakukannya atas mukanya sampai ke janggutnya …"*** **Hadis ini adalah hadis Maudhu'**.

Demikian kata Al-Albani : Yang dituduh membuatnya ialah Daud bin Al-Muhabbar , iaitu pengarang kitab Al-'Aqlu seorang pembohong. Dan Al-Bazzar meriwayatkan dari Hadis Jabir dari riwayat Al-Fadhl bin 'Isa Ar-Raqasyi. Al-Fadhl ini adalah mungkar Hadisnya seperti yang dikatakan oleh Al-hafiz Ibnu Hajar Al-'Asqalani (Sumber: **Himpunan Hadis Dhaif dan Maudhu' (Jld 1) - Drs Abdul Ghani Azmi - m.s. 310)**

Ramai ulama besar dan pengkaji hadis memutuskan bahawa pendapat yang paling tepat dan selamat ialah **beramal dengan hadis shahih dan tidak beramal dgn hadis dha'if**. Apalagi hadis yang bertaraf maudhu'. **Di antara mereka ialah Yusuf al qardawi, Muhamamd Nasiruddin al albani, Muhammad ajjaj al khatib, Ahmad Syakir, Syuaib al Arnaouth, Abdul Qadir al arnaouth dan lain-lain.**

Hadis-hadis shahih sudah banyak dan mencukupi untuk kita jadikan sebagai dalil dan hujjah dalam amalan ibadah dan amalan seharian.

Ini bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: Diriwayatkan dari Aisyah Ra dhiyallahu 'anha***, "Rasulullah SAW biasa membuka solat dengan takbir dan mengakhirinya dengan mengucapkan salam."*** **(Hadis riwayat Imam Muslim).**

"Kunci solat adalah bersuci, pembukanya adalah takbir dan penutupnya adalah mengucapkan salam." **(Hadis riwayat Imam Hakim dan Adz-Dzahabi)**

Manakala dari riwayat lain, dari Jabir ibni Samirah Radhiyallahu anhu, ***"Mengapa aku melihat kamu mengangkat tangan seperti ekor kuda (ketika mengakhiri solat dengan mengucapkan salam)? Cukuplah dengan meletakkan tangannya di atas pahanya, lalu ucapkanlah salam kepada saudaranya yang di sebelah kanan dan kirinya."*** **(Hadis riwayat Imam Muslim).**

Dari hadis-hadis ini, langsung tidak ada gambaran bahawa Rasulullah SAW menyapu muka sesudah salam. Kalau ada, tentulah diterangkan dalam kedua-dua hadis shahih ini. Begitu juga dalam kitab hadis shahih Bukhari. Lebih aneh lagi, ada orang mengucup tangan kanannya sehingga mengeluarkan bunyi ketika menyapu muka sesudah salam.

22. MAKMUM BERALIH RUKUN SERENTAK DENGAN IMAM

Hal ini cukup lumrah. Imam takbir…..bergerak ke rukun rukuk. Makmum juga ikut takbir dan bergerak ke rukun rukuk. Kalau imamnya bergerak lambat, (kadangkala kita perhatikan) makmum dulu yang rukuk sebelum imam.

Begitu juga ketika peralihan dari rukun i'tidal ke rukun sujud. Imam yang bergerak agak lambat, belum pun dahinya mencecah tempat sujud, makmum dulu yang sujud.

Dari Al Barra' Radhiyallahu anhu, beliau berkata: ***"Setelah Rasulullah SAW mengucapkan "Allahu Akbar" (menuju ke rukun sujud), kami tetap tegak berdiri hingga kami melihat Rasulullah SAW benar-benar meletakkan dahi baginda di tempat sujud, barulah kami bergerak sujud."*** **(Hadis diriwayatkan oleh Imam Bukhari)**

Manakala hadis dari riwayat Muslim, lebih kurang sama seperti hadis Bukhari juga dari riwayat Barra' Radhiyallahu anhu .: ***Bahwa mereka (para sahabat) solat di belakang Rasulullah SAW. Ketika beliau bangun dari rukuk (dan ingin sujud). aku tidak melihat seorang pun membongkokkan badannya hingga Rasulullah SAW meletakkan dahinya di tanah (tempat sujud). Setelah itu barulah para sahabat yang di belakang baginda SAW ikut bersungkur sujud***. **(Hadis riwayat Imam Muslim)**

Abdullah bin Mas'ud Radhiyallahu anhu pernah melihat orang yang mendahului imam, beliau berkata: ***"Engkau tidaklah solat sendirian dan tidak pula mengikuti imam."*** Orang yang tidak solat sendirian dan tidak pula solat mengikuti imam tentu, tidak ada solat baginya. Malah dari riwayat Abdullah bin Umar Radhiyallahu anhu, beliau memukul orang yang solatnya mendahului imam dan menyuruhnya mengulangi solat**. (Hadis diriwayatkan oleh Imam Muslim).**

Dari hadis-hadis di atas, dapatlah disimpulkan bahawa para sahabat tetap tidak akan bergerak menuju ke rukun selanjutnya, jika Rasulullah SAW belum benar-benar beralih rukun. Para

sahabat akan tetap berdiri selagi Rasulullah SAW belum benar-benar rukuk. Para sahabat akan tetap rukuk selagi Rasulullah SAW belum tegak berdiri untuk i'tidal.

Para sahabat tidak akan bergerak sujud, selagi Rasulullah SAW belum mencecahkan dahi beliau ke tempat sujud. Begitulah selanjutnya. Dan bukannya ikut bertakbir setelah mendengarkan imam bertakbir!

23. MELINTAS DI HADAPAN ORANG YANG SEDANG SOLAT

Ramai di kalangan kita berasa seolah-olah tidak bersalah apabila melintas di hadapan orang yang sedang solat. Ia dianggap remeh oleh kebanyakan orang.

Padahal Rasulullah SAW menegaskan: ***"Kalaulah orang yang lalu di hadapan orang yang sedang solat tahu apa dosanya, pasti dia akan memilih (untuk tetap diam) selama 40…….daripada harus melintas di hadapannya.*** Abu Nadhar berkata: ***Aku tidak tahu apakah Rasulullah SAW mengatakan 40 hari, 40 bulan atau 40 tahun."*** **(Hadis diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim)**

Dari Abu Said Al-Khudri Radhiyallahu anhu, bahwa Rasulullah SAW bersabda***: "Bila salah seorang di antara kalian sedang solat, janganlah ia membiarkan seorang pun lalu di depannya, dan hendaklah ia mencegahnya semampunya. Bila ia tidak peduli, perangilah kerana sesungguhnya ia adalah syaithan".*** **(Hadis diriwayatkan oleh Imam Muslim)**

Janganlah kita sesekali melintas di hadapan orang yang sedang solat. Sebaik-baiknya carilah jalan lain. Dan sebaik-baiknya bagi mereka yang solat, janganlah solat di ruang yang terbuka luas. Cari dan menghadaplah ke dinding atau di belakang tiang supaya tidak memberi ruang orang melintas di hadapan orang yang sedang solat.

Atau setidak-tidaknya buatlah sutrah atau pembatas sebagaimana sabda Rasulullah SAW***: "Jika salah seorang di antara kamu menancapkan di hadapannya sesuatu yang menyamai hujung pelana unta, maka solatlah dan jangan hiraukan orang yang lalu lalang di balik pembatas tersebut."*** **(Hadis diriwayatkan oleh Imam Muslim dan Termidzi)**

24. MAKMUM TIDAK MEMENTINGKAN SAF PERTAMA

Ada di kalangan jema'ah tidak suka solat di barisan atau saf pertama. Kalau ada saf yang kosong di depan, mereka suka mendorong orang lain ke saf depan. Malah ada di kalangan mereka suka berada di saf paling belakang. Padahal, alangkah ruginya mereka yang tidak ambil kesempatan maju ke saf paling depan.

Ini bertentangan dengan sunnah Rasulullah SAW. Dari Abu Hurairah Radhiyallahu anhu , ia berkata, telah bersabda Rasulullah SAW***: "Kalaulah orang-orang tahu keutamaan yang ada dalam azan (maksudnya memenuhi seruan azan dengan berjema'ah di masjid) dan berada di saf pertama, kemudian mereka tidak mendapatkannya, kecuali dengan cara mengundi, pasti mereka akan mengadakan undian."*** **(Hadis riwayat Imam Bukhari dan Muslim).**

"Sebaik-baik saf bagi lelaki adalah yang paling hadapan dan seburuk-buruknya adalah yang paling belakang. Sebaik-baik saf wanita adalah yang paling belakang dan seburuk-buruknya adalah yang paling hadapan." **(Hadis Riwayat Muslim, no. 440)**

Para fuqaha telah bersepakat mengatakan bahawa sunat bagi para jemaah untuk memenuhi saf yang pertama terlebih dahulu sehingga tidak ada ruang yang kosong atau renggang. Kemudian baharulah diikuti dengan saf yang kedua dan seterusnya.

Ini adalah berdasarkan hadis-hadis yang menerangkan mengenainya, antaranya sabda Rasulullah *SAW*: ***"Sempurnakanlah oleh kamu saf yang depan (saf yang pertama), kemudian saf-saf berikutnya, maka saf yang kurang itu (disebabkan sedikit makmum) hendaklah (saf yang kurang itu berada) di saf bahagian belakang".*** **(Hadis diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dan Nasa'i)**

Oleh yang demikian, tidak digalakkan bagi para jemaah untuk mendirikan saf yang kedua atau berikutnya melainkan selepas sempurnanya saf yang pertama atau berikutnya. Dalam erti kata lain, jangan dibiarkan saf yang di hadapan makmum itu kosong atau renggang begitu sahaja, bahkan disunatkan ke atas mereka mengisinya dan merapatkannya. Para imam hendaklah memerhatikan hal ini sebelum memulakan solat!
Rasulullah SAW memperingatkan orang yang suka membelakangkan diri (berada di saf paling belakang): ***"Selama suatu kaum membelakangkan diri, Allah akan membelakangkan mereka."*** **(Hadis riwayat Imam Muslim dan Ibnu Huzaimah)**

25. SAF TIDAK LURUS DAN TIDAK RAPAT: MAKMUM TAK KISAH

Meluruskan dan merapatkan saf amat dititik-beratkan oleh Rasulullah SAW. Imam jemaah bukan sekadar memberitahu makmum supaya meluruskan dan merapatkan semata-mata, malah Rasulullah SAW melihat sendiri merapat dan meluruskan saf jemaah. Adalah menjadi tanggungjawab Imam memerhatikan betul-betul samada saf sudah benar-benar lurus dan rapat.

Sebahagian sahabat berkata, **"*Adalah Nabi SAW apabila telah berdiri di tempatnya untuk solat, tidaklah terus beliau bertakbir, sebelum beliau melihat ke kanan dan ke kiri menyuruh makmum merapatkan bahu mereka seraya bersabda: janganlah kamu maju mundur (tidak lurus), yang menyebabkan maju mundurnya jiwa-jiwa kamu*"** **(Hadis diriwayatkan oleh Imam Ahmad)**

Dari An Nu'man bin Basyir Radhiyallahu anhu, ia berkata, **"*Dahulu Rasullullah SAW meluruskan saf kami sampai seperti meluruskan anak panah hingga beliau memandang kami telah faham apa yang beliau perintahkan kepada kami (sampai saf kami telah rapi), kemudian suatu hari beliau keluar (untuk solat) kemudian beliau berdiri, hingga ketika beliau akan bertakbir, beliau melihat seseorang yang membusungkan dadanya, maka beliau bersabda: "Wahai para hamba Allah, sungguh kalian benar-benar meluruskan saf atau Allah akan memperselisihkan wajah-wajah kalian*".** **(Hadis diriwayatkan oleh Imam Muslim)**

Rasulullah SAW bersabda,**"*Apakah kalian tidak berbaris sebagaimana berbarisnya para malaikat di sisi Rabb mereka?"*** *Maka kami berkata:* ***"Wahai Rasulullah, bagaimana***

berbarisnya malaikat di sisi Rabb mereka?" *Beliau menjawab*: ***"Mereka menyempurnakan barisan-barisan [saf-saf], yang pertama kemudian [saf] yang berikutnya, dan mereka merapatkan barisan"*** **(Hadis diriwayatkan oleh Imam Muslim, An Nasa'i dan Ibnu Khuzaimah).**

Dari Aisyah Radhiyallahu 'anha, ia berkata: Rasulullah SAW bersabda: ***"Barangsiapa yang menutup kekosongan (saf), Allah akan mengangkat darjatnya dengan hal tersebut dan akan dibangunkan sebuah istana di syurga untuknya"*** **(Hadis riwayat Imam Abu Dawud/Shahih At-Targhieb Wat Tarhieb No. 502)**

Disunatkan juga ke atas makmum yang berada di hadapan memberikan ruang kepada makmum yang di belakang yang hendak masuk ke saf hadapan selagi ada ruang baginya, sebagaimana sabda Rasulullah *SAW*: ***"Luruskanlah oleh kamu saf-saf dan sejajarkanlah di antara bahu-bahu kamu, tutupi celah-celah dan berlaku lembutlah ketika memegang tangan saudaramu (waktu merapatkan saf), dan janganlah kamu biarkan celah-celah (yang kosong) itu untuk syaitan. Barangsiapa menghubungkan saf, maka Allah menghubungkannya (dengan rahmatNya) dan barangsiapa memutuskan saf, maka Allah memutuskannya (daripada rahmat dan pertolonganNya)".*** **(Hadis diriwayatkan oleh Imam Abu Daud)**

Kedudukan/susunan Saf Yang Betul Dan Rapi

Kedudukan/Susunan Saf Yang Salah.

Memenuhi ruang-ruang saf bukanlah suatu kerja yang susah. Ia suatu kerja yang amat senang dilakukan. Namun begitu, sikap setengah orang amat payah untuk menggerakkan kakinya satu atau dua langkah untuk memenuhi ruang-ruang saf yang masih renggang atau kosong. Dia lebih rela membiarkannya begitu sahaja dalam keadaan renggang atau kosong, ataupun dia lebih rela menyuruh orang lain memenuhinya. Walhal mengisi atau memenuhi ruang-ruang saf yang kosong atau renggang itu mempunyai kelebihan yang besar. Jika dia tahu nescaya dia tidak akan melepaskannya kepada orang lain.

"Wahai para hamba Allah, hendaklah kalian benar-benar meluruskan saf atau Allah akan memperselisihkan wajah-wajah kalian". (Diriwayatkan oleh Imam Muslim, no. 436)

Tahap merapatkan saf ialah dengan merapatkan antara bahu ke bahu makmum yang bersebelahan dengan kita dan juga merapatkan anak kaki para makmum. Hal ini, ramai di kalangan makmum tidak memberi perhatian yang sewajarnya.

Dari Anas Radhiyallahu anhu, ia berkata, **"*Dan salah satu dari kami merapatkan bahunya pada bahu temannya dan kakinya pada kaki temannya.*" (Hadis diriwayatkan oleh Imam Bukhari)**

"Dari Nu'man bin Basyir Radhiyallahu anhu berkata: ***Aku melihat seseorang merapatkan bahunya dengan bahu saudaranya, merapatkan (melekatkan) lututnya dengan lutut saudaranya dan mendekatkan mata kakinya dengan mata kaki saudaranya."*** (Hadis Riwayat Bukhari, Kitab Azan, no. 76. Abu Daud, no. 616)

Al-Imam Al-Suyuthi *Rahimahullahu Ta'ala* menjelaskan di dalam kitabnya **Basth Al-Kaf fi Itmam Al-Shaf,** keengganan seseorang untuk mengelokkan saf solat boleh mengurangkan satu darjat daripada ganjaran pahalanya sebanyak dua puluh tujuh, kerana mengelokkan saf itu mengandungi nilai satu darjat.

Di samping itu, keengganannya mengelokkan saf meluputkan lagi sembilan perkara kebajikan lain yang mewakili dua puluh tujuh perkara kebajikan yang disebutkan di atas, di mana tiap-tiap satunya mengandungi nilai satu darjat.

Kesempurnaan ibadat solat sebagaimana yang ditentukan oleh syara' merupakan suatu tuntutan, termasuk tatacara kesempurnaannya itu, jika solat yang dilakukan secara berjemaah ialah dengan memenuhkan dan meluruskan saf solat. Memenuhkan dan meluruskan saf tidaklah susah. Hanya sekadar mengorak beberapa langkah ke hadapan, ke kiri atau ke kanan.

Yang menjadikannya susah ialah sikap atau tabiat yang tidak mahu berubah untuk mendisiplinkan diri dalam mengelokkan saf atau kerana kurang ilmu mengenai kelebihan mengelokkan saf sehingga ia dipermudah-mudahkan dan dianggap remeh!

Perintah memenuhkan dan meluruskan saf janganlah dipandang remeh. Mana mungkin begitu, kerana ancaman Allah jelas bagi orang yang tidak menyempurnakan saf dengan

menjadikan rupanya dengan bentuk keledai atau hati menjadi tidak bersefahaman, selain itu hilangnya banyak kelebihan atau fadilat. Ini bererti rugi!

Maka kerugian inilah mesti dielakkan.

Oleh kerana memenuhkan dan meluruskan saf itu termasuk kesempurnaan solat, maka tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh berubah untuk mengelokkan saf. Jangan biarkan diri kita hanyut dengan memandang mudah terhadap kepentingan saf yang elok dan sempurna ini.

26. IMAM TIDAK MEMERHATIKAN SAF DENGAN BETUL

Ramai di kalangan Imam jemaah, tidak meluruskan dan merapatkan saf sebelum bertakbiratul ihram. Ada pula Imam yang sekadar menyebut "betulkan saf dan rapatkan saf", kemudian terus bertakbiratul ihram. Sedangkan saf jemaah masih kelam kabut di belakangnya! MasyaAllah……

Sepatutnya, Imam sebelum memulakan takbiratul ihram, hendaklah - bukan sekadar melihat ke kanan dan ke kiri dan bukan sekadar menyebut "betulkan saf dan rapatkan saf". Akan tetapi sebagai imam, ia hendaklah benar-benar bertanggungjawab - melihat ke kanan dan ke kiri dan benar-benar merapikan saf, menegur makmum yang tidak merapatkan saf (bahu membahu antara satu sama lain) sebelum takbiratul ihram. Bukan sekadar saf di hadapan yang rapi, malah saf di belakang sudah benar-benar rapi, barulah Imam boleh memulakan takbiratul ihramnya.

Diriwayatkan dari Umar: ***"Bahawa ia pernah berdiri di tempat imam, ia tidak akan memulakan solat, sebelum ia mewakilkan seseorang untuk meluruskan saf. Bila orang itu melaporkan kepadanya bahawa saf sudah lurus, barulah beliau memulakan solat."*** **(Sila rujuk: At Thabari juz 5 halaman 12).**

Rasulullah SAW bersabda***, "Tidakkah kalian ingin berbaris, sebagaimana para malaikat berbaris di hadapan Rabb mereka." Maka kami bertanya***, ***"Bagaimanakah para malaikat berbaris di hadapan Rabb?' Beliau menjawab, "Mereka menyempurnakan barisan yang depan dan saling merapat di dalam saf."*** **(Hadis Riwayat Muslim, no. 430)**

Juga tersebut dalam sebuah hadis lain, dari Umar Ibn Abdul Aziz: "***Bahawa Bilal meluruskan saf-saf, beliau memukul tumit-tumit mereka (para makmum) dengan tongkat, sehingga saf benar-benar lurus."***

Bukannya seperti kebanyakan imam hanya sekadar menyebut sahaja – "Rapatkan dan luruskan saf (sambil memandang ke kanan dan ke kiri)". Hanya sekadar sebutan tetapi tidak merealisasikan apa yang disebutkannya itu.

27. MEREMEHKAN SOLAT FARDHU BERJEMAAH DI MASJID

Saya mempunyai seorang teman yang pejabatnya bertentangan dengan masjid. Apabila azan berkumandang, teman saya sibuk dengan urusan pejabatnya. Padahal saya perhatikan bahawa urusan pejabatnya itu bukanlah urusan yang penting. Dia asyik dengan

komputernya. ‘Rasa bersalah’ kerana tidak menyahut seruan azan untuk berjemaah tidak melekat dalam hatinya. Dia lebih suka solat bersendirian di pejabatnya.

Ada sebuah hadis yang mengatakan bahawa sesiapa yang tinggal berdekatan dengan masjid atau surau, yang apabila dikumandangkan azan untuk solat berjemaah, tetapi dia lebih suka solat sendirian di rumah, maka hukum solatnya itu dianggap tidak sah. Sebahagian ulama’ mentafsirkan “tidak sah” ini sebagai “tidak sempurna”.

Dari Abu Hurairah Radhiyallahu anhu, sabda Rasulullah SAW, ***“Tidak sah solat bagi tetangga masjid kecuali di masjid.”*** **(Hadis riwayat Imam Daruquthni dan Hakim)**

Dari Ibnu Abas Radhiyallahu anhu, Rasulullah SAW bersabda: ***“Barangsiapa mendengar azan, sedang tidak ada uzur yang menghalanginya mengikuti solat berjema’ah, maka tidak sah solat yang dilakukan sendirian.”*** Mereka (para sahabat) bertanya: ***“Apa itu uzur?”*** Rasulullah SAW menjawab: ***“Rasa takut (tidak aman) atau sakit.”*** **(Hadis riwayat Imam Abu Dawud)**

Perhatikan pula hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim ini: Dari Abdullah bin Mas’ud Radhiyallahu anhu : ***“Barangsiapa yang suka bertemu dengan Allah Ta’ala dalam keadaan muslim, maka peliharalah solat-solat ini begitu terdengar azan. Sesungguhnya Allah mensyari’atkan kepada Nabi kalian sunnah-sunnah dan petunjuk. Jika kalian mengerjakannya di rumah sebagaimana yang dikerjakan oleh orang-orang yang tertinggal (yakni kaum munafik), sungguh kalian telah meninggalkan sunnah Nabi kalian. Jika kalian meninggalkannya bererti kalian telah tersesat. Tidaklah seseorang itu bersuci dengan sebaik-baiknya (yakni berwudhuk), lalu berangkat ke masjid (untuk solat berjema’ah), melainkan Allah Ta’ala mencatatkan baginya pada setiap langkahnya satu kebaikan, diangkat darjatnya, dan dihapuskan darinya satu dosa. Dan sungguh kita telah melihatnya. Tidak ada tertinggal kecuali orang munafik yang jelas akan kemunafikannya. Sungguh salah seorang di antara kami ada yang dipapah oleh dua orang (semata-mata mahu solat berjema’ah di masjid) lalu didirikan dalam saf jema’ah.”***

Dari Abu Hurairah Radhiyallahu anhu, ia berkata: Rasulullah SAW bersabda, ***“Solat yang paling berat bagi orang munafik adalah solat Isya' dan solat subuh. Seandainya mereka itu mengetahui pahala kedua solat tersebut, pasti mereka akan mendatanginya sekalipun dengan merangkak. Aku pernah berniat memerintahkan solat agar didirikan kemudian akan kuperintahkan salah seorang untuk mengimami solat, lalu aku bersama beberapa orang sambil membawa beberapa ikat kayu bakar mendatangi orang-orang yang tidak hadir dalam solat berjama'ah, dan aku akan bakar rumah-rumah mereka itu”.*** **(Hadis riwayat Muttafaq 'alaih)**

Malah orang buta juga tidak dikecualikan daripada mengerjakan solat berjema’ah. Dalam shahih Muslim, dari Abu Hurairah Radhiyallahu anhu, dari Rasulullah SAW, beliau pernah didatangi oleh seorang yang buta dan bertanya: “***Ya Rasulullah, aku tidak ada orang yang boleh memimpin aku pergi ke masjid. Apakah ada ‘pengecualian’ untuk aku solat di rumah sahaja?*** *Rasulullah SAW bertanya kepadanya*, ***“Apakah engkau mendengar***

azan?” Dia menjawab: ***“Ya.”*** *Rasulullah SAW bersabda,* ***“Kamu hendaklah memenuhi panggilan azan.”***

Bayangkan orang buta yang mendengar azan berkumandang juga tidak dikecualikan daripada solat berjema’ah di masjid, apalagi orang sihat yang tidak ada sebarang kecacatannya.

Berdasarkan hadis-hadis tersebut, ketahuilah bahawa sesungguhnya solat berjema’ah di masjid amat dituntut dan Rasulullah SAW menitik-beratkan solat berjema’ah di masjid.

Sebahagian ulama mentafsirkan (berdasarkan hadis-hadis shahih Rasulullah SAW) bahawa tahap perintah Rasulullah SAW untuk mengerjakan solat berjema’ah di masjid seolah-olah mencapai tahap “wajib” bagi kaum lelaki muslimin kecuali mereka yang uzur.

28. TIDAK MENGGERAKKAN BIBIR/MULUT

Ada orang yang tidak menggerakkan bibir atau mulut ketika solat. Baik solat fardhu ataupun solat sunat. Mereka baca dalam hati. Perbuatan ini membatalkan solatnya. Para imam dari keempat-empat mazhab berpendapat bahawa menggerakkan bibir atau mulut dengan bacaan itu hukumnya wajib.

Ini berdasarkan kepada tunjuk ajar Rasulullah SAW. Dari Abdullah bin Sakhbarah Radhiyal lahu anhu, ***“Aku bertanya kepada Khabbab bin Arat, apakah Rasulullah SAW membaca (Al Qur’an dan surah lain) pada solat zhuhur dan asar?*** *Dia menjawab:* ***“Ya”.*** *Aku bertanya lagi,* ***“Bagaimana kamu tahu?”*** *Dia menjawab:* ***“Dari gerakan janggutnya.”*** **(Hadis diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Baihaqi)**

Seandainya membaca ayat berulang kali namun hanya di dalam hati sudah dianggap cukup di dalam solat - dan itu tidak akan pernah terjadi - Rasulullah SAW tidak akan menjawab pertanyaan orang yang minta diajari solat dengan ***“Kemudian bacalah olehmu ayat Al-Qur`an yang kamu anggap mudah”*** **(Hadis riwayat Imam Bukhari, Muslim, Abu Daud),** kerana yang dimaksudkan dengan membaca itu bukan hanya terlintas di dalam hati, akan tetapi yang dimaksudkan dengan membaca - baik dalam pengertian bahasa maupun syariat - adalah menggerakkan lidah seperti yang telah maklum adanya.

Di antara dalil yang memperkuat pernyataan ini adalah firman Allah ta`ala: ***Janganlah kamu gerakkan lidahmu untuk membaca Al-Qur`an kerana hendak cepat-cepat (menguasainya)*** **(Surah Al-Qiyamah ayat16)**

Seberapa keras bacaan di dalam solat diucapkan?

Al-Nawawi berkata: Adapun selain imam, maka disunahkan baginya untuk tidak mengeraskan suara ketika membaca lafaz takbir, baik dia menjadi makmum atau ketika solat sendiri (munfarid). Tidak mengeraskan suara ini jika dia tidak menjumpai rintangan, seperti suara yang sangat kelam kabut.

Batas minima suara yang perlahan adalah boleh didengar oleh dirinya sendiri jika pendengarannya normal. Ini berlaku secara umum baik ketika membaca ayat-ayat Al-Qur`an, takbir, membaca tasbih ketika rukuk, tahiyyat, salam dan bacaan-bacaan lain di dalam solat, baik yang hukumnya wajib mahupun sunnah. Apa yang dia baca tidak dianggap cukup selama masih belum terdengar oleh dirinya sendiri, dengan syarat pendengarannya normal dan tidak diganggu dengan hal-hal lainnya seperti dijelaskan di atas.

Jika tidak demikian, maka dia harus mengeraskan suara sampai dia boleh mendengar suaranya sendiri, setelah itu barulah bacaan yang dia kerjakan dianggap mencukupi. Demikianlah nas yang dikemukakan oleh Syafi`i dan disepakati oleh pengikutnya.

Sebahagian ulama' besar lain berkata: Disunnahkan agar tidak mengeraskan suara yang sudah dapat dia dengarkan sendiri. As-Syafi`i berkata di dalam **Al-Umm**: Hendaklah suaranya boleh didengar sendiri dan orang yang berada di sampingnya. Tidak patut dia mengeraskan suara lebih dari ukuran itu **(Rujuk kitab Al-Majmuu` III/295)**

Walau bagaimanapun, jangan pula sampai mengganggu jema'ah lain dengan bacaannya itu sehingga boleh menyebabkan hilangnya kekhusyukan jema'ah lain di sebelahnya.

Para ulama' mazhab Syafi`i berpendapat bahwa orang yang bisu bukan sejak lahir - mengalami kecelakaan di masa perkembangannya - wajib menggerakkan mulutnya ketika membaca lafaz takbir, ayat-ayat Al-Qur`an, bacaan-bacaan lainnya, tahyat dan sebagainya, kerana dengan melaksanakan demikian, dia dianggap melafazkan dan menggerakkan mulut, sebab perbuatan yang tidak mampu dikerjakan akan dimaafkan. Akan tetapi selagi masih mampu dikerjakan maka hendaklah dilakukan **(Fatwa al Ramli I/140 dan Hasyiyah Qulyubiy I/143)**

Kebayakan ulama' lebih memilih untuk mensyaratkan bacaan paling tidak boleh didengar oleh dirinya sendiri. Sedangkan menurut ulama' mazhab Maliki cukup menggerakkan mulut saja ketika membaca ayat-ayat Al-Qur`an, namun lebih baik jika sampai boleh didengar oleh dirinya sendiri sebagai upaya untuk menghindar dari perselisihan pendapat **(Ad Diin al Khalish II/143)**. Tetapi jangan pula bacaannya itu sampai didengar dan mengganggu jemaah lain.

29. SOLAT DENGAN HANYA MEMAKAI KAIN PELIKAT TANPA MEMAKAI BAJU.

Memang benar bahawa kaum lelaki auratnya ialah dari batas pusat hingga ke lutut. Dalam ertikata lain, ramai kaum lelaki kalau solat di rumah bersendirian, lebih suka memakai kain pelikat sahaja tanpa memakai baju. Dari hukum feqah, ia memang sah. Rasulullah SAW menegur orang solat yang tidak menutupi bahunya, sebagaimana hadis ini.

Dari Abu Hurairah Radhiyallahu anhu, katanya: Seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah SAW. ***"Bolehkah kami solat dengan memakai sehelai kain sahaja?"*** Rasulullah SAW menjawab: ***"Adakah kamu mempunyai dua helai kain?"*** **(Hadis diriwayatkan oleh Imam Muslim).**

Dalam sebuah riwayat lain dari Imam Muslim, juga dari Abu Hurairah Radhiyallahu anhu, Rasulullah SAW bersabda: ***"Jangan kamu solat dengan hanya memakai sehelai kain sahaja, kalau kain itu tidak cukup untuk menutupi kedua bahumu."***

Sebaik-baiknya ketika kita mengerjakan solat, janganlah hanya memakai kain pelikat sahaja tanpa menutup bahu. Bertemu sesama manusiapun, kita tidak sanggup kalau tidak berbaju, apalagi mengadap Allah Ta'ala.

Firman Allah Ta'ala: ***"Hai anak Adam, pakailah pakaianmu yang indah di setiap (memasuki) masjid, makan dan minumlah, dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan".*** **(Surah Al A'raaf : 31).**

30. BACAAN IMAM TIDAK BETUL

Ramai orang berebut-rebut hendak jadi imam solat, padahal dia tidaklah mempunyai ilmu yang benar. Bacaan Fatihahnya pun tidak betul, tersekat-sekat dan tidak lancar. Anehnya dia bangga jadi imam, padahal sebetulnya dia telah 'mencelakakan dirinya sendiri'.

Dari Abu Hurairah Radhiyallahu anhu, Rasulullah SAW bersabda: ***"Biarkanlah imam memimpin kalian solat. Jika mereka (yakni imam) berlaku benar, maka pahalanya bagi mereka dan bagi kalian (para makmum). Jika imam salah, maka pahala tetap bagi kalian dan dosa bagi mereka (yakni imam)."*** **(Hadis riwayat Imam Bukhari).**

Ramai yang salah faham dalam menentukan siapa yang layak menjadi imam. Di sesetengah masjid atau surau, mereka lebih suka memberi laluan kepada golongan tua menjadi imam. Orang tua berkenaan belum tentu bacaan Al-Qur'annya bagus. Juga belum tentu tatacara solatnya mengikuti tatacara solat Rasulullah SAW.

Padahal di belakangnya, ada orang muda yang bacaan Al-Qur'annya lebih bagus, lebih warak orangnya dan lebih berilmu. Akan tetapi kerana dia lebih muda atau miskin atau dipandang rendah oleh jema'ah lainnya, maka dia diketepikan.

Malah ada juga imam yang bagus bacaan Al-Qur'annya tetapi dia tidak menyempurnakan thuma'ninah sehingga tanpa dia sedari telah menyebabkan rosak seluruh solat yang dia imamkan tadi. Kalau kita perhatikan, ramai imam dari golongan ini. Bacaan Al-Qur'annya cukup bagus tetapi ilmu tentang tatacara solat Rasulullah SAW, dia tidak tahu. Tanpa dia sedari, dia membawa petaka kepada seluruh jemaah dan dirinya sendiri.

Dari Abu Said Radhiyallahu anhu, ia berkata: Telah bersabda Rasulullah SAW, ***"Jika ada tiga orang, maka hendaklah salah seorang jadi imam, dan yang paling berhak menjadi imam di antaranya adalah yang paling bagus bacaannya".*** **(Hadis riwayat Imam Muslim dan Nasa'i)**

Imam Hakim meriwayatkan sebuah hadis dari Marstad bin Abi Marstad Al-Ghanawi Radhiyallahu anhu, dari Rasulullah SAW, baginda bersabda***, "Jika kalian suka solat kalian***

diterima di sisi Allah, maka hendaklah orang yang terbaik dari kalian yang menjadi imamnya sebab imam adalah utusan antara kalian dengan Allah."

Manakala Imam Ahmad pula menjelaskan dalam kitabnya **Ash-Solat**: ***"Merupakan kewajipan kaum muslimin sekarang ini ialah mengutamakan orang-orang yang terbaik, ahli agama dan paling utama di antara mereka, yakni para ahli ilmu yang bertakwa kepada Allah Ta'ala dan sentiasa menjaga hukum-hukum Allah"***

31. IMAM SOLAT EKSPRES!

Imam Ahmad mengingatkan para imam: Suruhlah setiap yang menjadi imam, agar ia berhati-hati sekali dengan solat agar ia mengerjakan solatnya itu dengan baik dan sempurna, agar para makmumnya menjadi baik pula solatnya.

Pernah suatu hari beliau solat, tidak sempat beliau membaca 3 kali tasbih سبحان ربي العظيم ketika rukuknya dan tidak juga sempat membaca 3 kali tasbih سبحان ربي الأعلى وبحمده ketika sujudnya, kerana imamnya terlalu cepat, sehingga tidak sempat untuk thuma'ninah. Oleh kerana imamnya bergerak terlalu cepat, maka beliau selaku makmum juga terpaksa ikut bergerak dengan cepat.

Maka peringatkan atau tegurlah imam yang demikian itu. Katakan kepadanya, bahawa bila seorang imam mengerjakan solat dengan baik, maka dia akan mendapat ganjaran solatnya itu, juga ganjaran solat para makmumnya. Sebaliknya, jika solat imamnya tidak sempurna, maka dia akan mendapat dosa kerana ketidak sempurnaan solatnya itu dan juga seluruh dosa-dosa para makmumnya yang ikut tidak sempurna solatnya gara-gara perilaku dia sebagai imam yang tidak menitik beratkan thuma'ninah. Padahal, makmum tetap mendapat ganjaran pahala sebagaimana sepatutnya. Imam yang solatnya tanpa menitik beratkan thuma'ninah dan bergerak cepat dari satu rukun ke rukun yang lain, sebetulnya ia tidak layak sama sekali menjadi imam!

Kata Imam Ahmad lagi, adalah sangat penting bahawa imam itu orang yang bagus bacaannya, orang yang baik tatacara solatnya. Tenang setiap kali berpindah rukun, dan waraq orangnya.

Dari Bara' Ibn 'Azib, katanya: ***"Adalah rukuk Rasulullah SAW, sujudnya, duduk antara dua sujudnya dan apabila Rasulullah SAW bangkit dari rukuk (selain dari i'tidal dan duduk tahyat) hampir-hampir bersamaan (lamanya).*** (Hadis riwayat Bukhari)

Satu perkara lagi yang sering menjadi persoalan ialah salah pengertian imam terhadap maksud hadis ***"Para imam hendaklah meringankan solat kerana dikhuatiri ada orang tua yang lemah atau ada makmum yang kebetulan ada keperluan lain."***

Mari kita perhatikan hadis shahih berikut yang dikeluarkan oleh Imam Muslim: Diriwayatkan dari Abu Mas'ud Al Anshari Radhiyallahu anhu: Seorang lelaki dating kepada Rasulullah SAW dan berkata, ***"Sungguh, saya akan mengakhirkan solat subuh kerana si Fulan suka memperpanjangkan bacaannya ketika menjadi imam."*** Saya belum pernah melihat Rasulullah SAW marah sehebat itu dalam memberikan nasihat. Beliau bersabda, ***"Wahai manusia, sesungguhnya, di antara kamu ada yang menyebabkan orang enggan mengerjakan solat berjemaah.***
Maka barang siapa di antara kamu yang menjadi imam, hendaklah memendekkan bacaannya (surah sesudah fatihah) kerana makmum di belakangnya ada yang tua, lemah dan mempunyai hajat."

Maksud hadis ini bukanlah dengan mempercepatkan semua bacaan dalam solat tanpa menitik-beratkan "thuma'ninah" (sebagaimana kebanyakan yang berlaku di kalangan imam jemaah sekarang). Maksud daripada hadis ini ialah memendekkan bacaan surah sesudah bacaan surah Fatihah. Rasulullah SAW suka membaca 100 ayat di setiap solat subuhnya, akan tetapi sekiranya ada jemaah yang tua, uzur atau mempunyai hajat, banginda SAW akan memendekkan bacaan surah sesudah Al Fatihah, sebagaimana yang dimaksudkan oleh hadis di atas.

32. SOLAT BERJEMAAH DUA ORANG: IMAM DI DEPAN!

Bila solat berjemaah dua orang iaitu imam dengan makmum, posisi makmum pada kebiasaannya kita lihat makmum berdiri di sebelah kanan imam dan posisinya agak ke belakang sedikit dari imam. Keadaan ini ternyata salah dan bertentangan dengan apa yang dicontohkan oleh Rasulullah SAW.

Apabila imam solat berjemaah hanya dengan seorang makmum, maka dia (makmum) disunnahkan berdiri di sebelah kanan imam (sejajar atau sebaris dengannya), sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibnu Abbas Radhiyallahu anhu bahawa beliau pernah solat berjemaah bersama Rasulullah SAW pada suatu malam dan berdiri di sebelah kirinya. Maka Rasulullah SAW memegang kepala Ibnu Abbas dari belakang lalu memindahkannya ke sebelah kanannya**. (Hadis riwayat Imam Muslim, No. 763 dan Imam Bukhari, no. 183)**

Di dalam **kitab Subulus Salam (oleh al-Imam ash-Shan'ani),** Diriwayatkan bahawa Ibnu Juraij pernah bertanya kepada Atha' (seorang tabi'in), ***"Seseorang yang menjadi makmum bagi seseorang yang lain, di manakah ia (makmum) harus berdiri?"*** Jawab Atha', ***"Di tepinya"***. Ibnu Juraij bertanya lagi, ***"Apakah si Makmum itu harus dekat dengan Imam sehingga ia satu saf dengannya, iaitu tidak ada jarak antara keduanya (makmum dan imam)?"*** Jawab Atha'***: "Ya!"*** Ibnu Juraij bertanya lagi***, "Apakah si makmum tidak berdiri jauh sehingga tidak ada jarak antara mereka (makmum dan imam)?*** Jawab Atha'***: "Ya".***

Demikian juga yang disebutkan di dalam **al-Muwaththa', 1/54.** Dari Umar dari hadis Ibnu Mas'ud. ***"Sesungguhnya ia berada satu saf bersama Umar, lalu merapatkan safnya hingga bahu Umar bersentuhan di sisi kanannya."*** (Lihat: **Subulus Salam, jilid 1, m/s. 651)."**

Maka, kedudukan imam adalah di sebelah kiri makmum, dan makmum di sebelah kanan imam dalam keadaan satu barisan (satu saf) sebelah menyebelah dan bukannya sebagaimana

yang kita amalkan selama ini iaitu iman di hadapan sedikit daripada makmum! Tapi sayang seribu kali sayang, walaupun telah ada nas yang shahih tentang hal ini, tetap juga mereka meninggalkan contoh yang diajarkan oleh Rasulullah SAW. Sebaliknya imam tetap di hadapan sedikit daripada makmum! Inilah golongan yang taksub tanpa berpandukankan kepada ilmu.

33. RAGU-RAGU TENTANG KEBERSIHAN

Adapun mengenai kedudukan solat seseorang yang ragu atau syak tentang kebersihan, sekalipun ragu atau syak tentang najis, maka keraguan atau syak itu tidak menjejaskan hukum yang boleh menyebabkan solatnya tidak sah, kerana berdasarkan kaedah fiqh bahawa: ***"Sesuatu yang sudah diyakini tidak dihilangkan oleh sebab adanya keraguan."***

Pengarang **al-Asybah wa An-Nazair** pula menyebutkan: ***"Sesiapa yakin dalam keadaan bersih (suci) dia merasa syak berhadas, maka dia adalah suci, atau dia yakin dalam keadaan berhadas dan syak dalam suci, maka dia adalah berhadas."***

Dalil bagi kaedah ini berdasarkan sabda Baginda Rasulullah *SAW*: ***"Apabila salah seorang di antara kamu merasakan sesuatu di dalam perutnya, kemudian dia merasa ragu, adakah telah keluar sesuatu daripada perutnya itu atau tidak? Maka janganlah dia keluar dari masjid sehingga dia mendengar bunyi atau mendapati sesuatu bau."*** **(Hadis riwayat Imam Muslim)**

Riwayat yang lain pula mnyebutkan daripada Abdullah bin Zaid, katanya: ***"Ada seorang lelaki mengadu kepada Rasulullah SAW, dia berasa terkhayal adakah dia berhadas semasa menunaikan solat."*** Maka Sabda Baginda: Maksudnya: ***"Janganlah dia meninggalkan solatnya sehingga dia mendengar bunyi atau mencium bau."*** **(Hadis riwayat Imam Bukhari dan Muslim)**

Sabda Baginda SAW lagi: ***"Daripada Abi Said Al-Khudrie Radhiyallahu anhu berkata: "Bersabda Rasulullah SAW: Jikalau syak salah seorang kamu dalam solatnya, dan tidak dia tahu, berapa jumlah rakaat telah dia solat, adakah tiga (rakaat) ataupun empat, maka buangkan yang syak dan hendaklah dibina atas apa yang dia yakini."*** **(Hadis riwayat Imam Muslim)**

Mengenai perkara-perkara najis yang dimaafkan (*ma'fuw*) khasnya mengenai tempat laluan atau jalan yang bernajis pengarang **kitab Fath Al-Mu'in** pula ada menyebutkan, beliau berkata: *"Termasuk najis ma'fuw (yang dimaafkan): Sedikit lumpur di tempat laluan berjalan yang telah diyakini najisnya, sekalipun najis mughallazah, dengan alasan* ***susah menghindarinya****; selagi benda najisnya tidak nampak dengan jelas.*

Tentang kemaafan adanya najis ini, adalah berbeza sesuai dengan waktu dan tempatnya, mengenai pada pakaian dan badan. Jika zat najis itu jelas terang kelihatan di atas jalan laluan, walaupun tempat laluan anjing, maka ia tidak dimaafkan - walaupun ia merata di atas jalan - mengikut pendapat yang paling aujah.

Ada ulama' mengeluarkan fatwa tentang jalan yang tidak berlumpur bahkan yang terdapat di sana kotoran manusia, kotoran anjing dan binatang-binatang lain, lalu terkena air hujan, (ia diangap) sebagai najis yang dimaafkan kerana susah menghindarinya.

"Kaedah penting": iaitu sesuatu yang asalnya suci, lalu ada prasangka ia menjadi najis dengan alasan bahwa barang yang seperti itu pada umumnya najis, maka di sini ada dua pendapat yang terkenal dengan: Pendapat asal (ia suci) dan pendapat zahir atau ghalib. Pendapat yang lebih kuat adalah pendapat bahwa barang tersebut suci, dengan alasan "asal keyakinan yang telah ada", di mana hal ini lebih terpecaya daripada "kebiasaan kejadian" yang selalu berbeza sesuai dengan keadaan dan masa. Yang demikian itu seperti pakaian pembuat arak, pakaian orang haidh, pakaian anak-anak, bejana milik orang-orang pemeluk agama yang menggunakan barang najis, daun yang umumnya berjatuhan di tempat najis, air liur anak damit, sutera jukh yang terkenal terbuat dari lemak babi, keju Syria yang terkenal terbuat dari perut besar babi.

Rasulullah SAW pernah diberikan keju dari penduduk Syria, lalu Baginda makan sebahagiannya, Baginda tidakpun bertanya dari apa keju itu diperbuat. Demikianlah kaedah yang sebahagian besarnya telah dikemukakan oleh guru kita dalam syarah Minhaj."

Maka berdasarkan penjelasan-penjelasan di atas, kedudukan solat seseorang yang ragu tentang kebersihan itu adalah sah dengan syarat benda najisnya itu tidak nampak dan tidak berbau dengan jelas.

34. TIDAK FAHAM MAKNA BACAAN

Ramai di kalangan kita yang solat tetapi tidak memahami makna bacaannya, baik dari mula angkat takbir sehinggalah ke akhir solatnya iaitu salam. Bayangkan seumur hidup solat, tidak satupun makna bacaan yang difahaminya. Inilah kebodohan yang nyata dan tidak boleh dimaafkan dalam beragama.

Marilah kita mengadakan sedikit 'kerja rumah' dengan mempelajari dan mentelaah makna-makna bacaan ketika solat yang kita kerjakan setiap hari.

Sabda Rasulullah SAW***: "Tiada diperoleh seorang hamba dari solatnya kecuali apa ada dalam fikirannya pada saat ia melaksanakan solat."*** **(Hadis riwayat Imam Abu Dawud dan Imam Nasa'i).**

Apabila kita faham makna setiap bacaan yang kita baca ketika solat, lama-kelamaan kita akan menuju ke tahap khusyuknya solat sehingga kita dapat merasakan betapa manisnya ibadat solat sebagaimana huraian selanjutnya.

35. TIDAK KHUSYUK KETIKA SOLAT

Sabda Rasulullah SAW: ***"Yang pertama-tama diangkat dari umat ini ialah khusyuk sehingga tidak terlihat seorangpun yang khusyuk".*** **(Hadis riwayat Imam Ahmad dan Imam Thabrani)**

Dalam hal ini Rasulullah SAW bersabda; ***"Adakalanya orang-orang solat, namun tidak diterima darinya setengahnya atau sepertiganya atau seperlimanya atau seperenamnya***

atau sepersepuluhnya. Sesungguhnya solat yang diperhitungkan bagi seseorang hanyalah sekadar yang dikerjakannya dengan sedar." **(Hadis riwayat Imam Ahmad)**

Sebaiknya kita kerjakan solat pada saat betul-betul sudah siap mental dan jiwa untuk meninggalkan segala urusan duniawi. Jika sudah disajikan makan, maka makanlah terlebih dahulu. Lebih baik makan sambil ingat solat, daripada solat sambil mengingatkan makan!

Begitu mula takbir, seolah-olah kita katakan selamat tinggal diriku, selamat tinggal hawa nafsuku, selamat tinggal keluargaku, selamat tinggal duniaku. Kini aku sedang menuju kepada jalan Allah. Aku sedang menemui-Nya.

Rasulullah SAW pernah bersabda: ***"Bila kamu solat, jadikanlah itu seolah-seolah solatnya orang yang mengucapkan selamat tinggal."*** **(Hadis riwayat Imam Ibnu Majah, Imam Hakim dan Imam Baihaqi)**

Hati kita, jiwa kita sepenuhnya kita hadapkan kepada Allah. Kini seakan-akan kita telah memenuhi panggilan Allah**:** ***Hai manusia sesungguhnya kamu bekerja keras menuju Tuhanmu dan kamu pasti menemuiNya*** **(Surah Al-Insyiqaq ayat 6)**

Ketika solat hendaklah disedari bahwa sesungguhnya kita sedang berhadapan dengan Allah, berbicara denganNya. Surah atau ayat-ayat yang kita baca, demikian juga do'a yang kita panjatkan adalah perkataan kita kepada-Nya.

Dari Ubadah bin Shamit Radhiyallahu anhu: ***Bahwa Nabi saw. bersabda: Barang siapa menyukai pertemuan dengan Allah, maka Allah akan menyukai pertemuan dengannya, dan barang siapa yang tidak menyukai pertemuan dengan Allah, maka Allah tidak akan menyukai pertemuan dengannya.*** (Hadis riwayat Imam Muslim)

Rasulullah SAW mengerjakan solat dan di dalamnya Rasulullah SAW melewatkan satu ayat. Ketika mengakhiri solatnya Rasulullah SAW bertanya: ***Apa yang kubaca tadi? Para jemaah diam kecuali Ubay bin Ka'ab yang berkata: "Anda tadi membaca surah anu dan meninggalkan ayat anu. Kami tidak tahu apakah ayat tersebut telah dinashakhkan atau ditarik kembali."***

Rasulullah SAW bersabda*:* ***"Engkaulah yang benar wahai Ubay."*** *Kemudian beliau ucapkannya kepada para sahabat lainnya:* ***"Mengapa ada orang yang menghadiri solat dan memenuhi barisan, sedangkan Nabi mereka ada di antara mereka, sementara mereka tidak memperhatikan ayat-ayat Allah yang dibacakan kepada mereka ? Ketahuilah, Bani Israel telah berbuat seperti kalian, maka Allah mewahyukan kepada Nabi mereka agar mengatakan: "Kalian hadirkan untukKu ucapan-ucapan kalian, tetapi jiwa-jiwa kalian jauh dariKu. Sungguh sia-sia perbuatan kalian."*** **(Hadis riwayat Imam An-Nasa'i)**

Rasulullah SAW juga bersabda: ***"Ramai orang yang melaksanakan solat, tetapi yang diperolehnya tiada lain hanyalah letih dan payah, kerana melaksanakan solat itu sendiri."*** **(Hadis riwayat Imam An-Nasa'i).**

“Tiada diperoleh seorang hamba dari solatnya kecuali apa ada dalam fikirannya pada saat melaksanakan solat.” **(Hadis riwayat Imam Abu Dawud dan Nasa’i).**

Alangkah beruntungnya ketika seorang hamba memahami makna solat yang sebenar-benarnya sebagaimana Rasulullah SAW ungkapkan: ***“Ketika ia melaksanakan solat, seorang hamba tengah bercakap mesra dan akrab dengan Tuhannya.”*** **(Hadis riwayat Imam Bukhari dan Imam Muslim).**

Allah mewajibkan solat kepada setiap umat Muhammad SAW, kerana dalam ibadah itu terkandung sebuah makna pengabdian yang tinggi seorang hamba terhadap Penciptanya. Dalam ibadah solat juga, seandainya dilakukan secara ikhlas, tidak kerana semata-mata menjalankan beban kewajiban, akan diperolehi limpahan cahaya petunjuk dari Allah yang berfungsi menjernihkan hati nurani atau qalbu setiap hamba Allah yang beribadah secara ikhlas tersebut.

Setiap rakaat solat memiliki makna yang sangat mendalam kerana hadirnya proses penyucian jiwa yang dikotori oleh dosa kita. Untuk itulah kering atau gersang tidaknya ibadah solat kita bergantung dari seberapa besar motivasi kita dalam melaksanakan ibadah tersebut.

Dalam sisi dimensi batin lainnya, gerakan solat memiliki makna simbolik yang sangat mendalam. Sejak keadaan berdiri, rukuk, i’tidal dan sujud merupakan sebuah proses perjalanan manusia dalam rangka mencari kebenaran.

Rasulullah SAW bersabda***, “Seorang hamba tidak akan pernah lebih dekat kepada Allah Ta’ala, kecuali ketika ia tengah bersujud.”*** **(Hadis riwayat Imam Muslim).**

Saad bin Jubair pernah berkata***, “Tiada sesuatu pun di dunia ini yang kumintai pertolongan kecuali lewat sujud dalam solat.”***

Sedang ‘Uqbah bin Muslim berkata, ***‘Tiada sesuatu pada manusia yang lebih disukai Allah selain memperlama perjumpaan dengan-Nya. Dan tiada saat dalam kehidupan manusia yang teramat dekat dengan-Nya, kecuali ketika ia tersungkur bersujud kepada-Nya.”***

Abu Hurairah Radhiyallahu anhu pernah berkata, ***“Saat paling dekatnya seorang hamba kepada-Nya ialah ketika ia sedang bersujud, dan kemudian memperbanyak doa.”***

Semua kata-kata tadi mengisyaratkan, bahwa untuk senantiasa ada dalam keadaan dekat dengan Allah bukanlah semata-mata kita harus sujud setiap saat. Hal ini, dalam dimensi yang lebih dalam, juga berarti seorang hamba akan senantiasa dalam keadaan yang terdekat dengan Allah ketika qalbunya telah hidup dan suci, yang mampu menempatkan dirinya untuk berada dalam keadaan di atas akalnya.

Apa yang penting, **‘ketenangan ketika solat wajib dijaga’**. Jangan solat secara kelam kabut. Mereka yang solat secara kelam kabut tentunya tidak akan dapat menikmati kekhusyukan solat.

Sebetulnya untuk mendapatkan solat khusyuk itu memang mudah. Cuma bergantung kepada diri kita sendiri sama ada kita mahu atau tidak. Bak kata pepatah, tepuk dada tanya selera. Cuma kita sahaja yang memberikan beribu alasan kononnya solat khusyuk itu sukar untuk mendapatkannya.

36. MENYAMBUNGKAN SOLAT FARDHU DENGAN SOLAT SUNAT

Seringkali kita melihat ada orang sesudah solat fardhu, lantas bangun dan mengerjakan solat sunat tanpa berzikir terlebih dahulu. Ini banyak sekali berlaku sesudah solat Jumaat.

Imam Muslim meriwayatkan dalam shahihnya, dari Ibnu Umar bin Atha' bin Abil Khiwaar, bahawa Nafi' bin Jubeir mengutuskannya kepada As-Saa-ib bin Ukhti Namir untuk menanyakan tentang pengalamannya solat bersama Mu'awiyah Radhiyallahu anhu. As-Saa-ib berkata: ***"Ya, aku mengerjakan solat Juma'at bersamanya di Al-Muqshurah. Setelah imam mengucapkan salam, aku langsung bangkit untuk mengerjakan solat sunat. Setelah keluar, ia mengutuskan seseorang kepadaku.*** Ia berkata: ***"Jangan engkau ulangi perbuatan seperti itu. Jika engkau telah mengerjakan solat juma'at, maka janganlah menyambungnya dengan solat sunat hingga engkau berbicara atau keluar masjid.***
Begitulah yang diperintahkan oleh Rasulullah SAW kepada kami, iaitu jangan menyambungkan solat fardhu dengan solat sunat hingga memutuskannya dengan berbicara atau keluar dari masjid."

Sesudah mengerjakan solat fardhu, hendaklah kita sebaik-baiknya berzikir terlebih dahulu (sebahagian ulama' berpendapat '*memutuskannya dengan berbicara'* ditafsirkan dengan berzikir sesudah solat).

An-Nawawi berkata dalam **syarah Shahih Muslim**: "Dalam hadis tersebut terdapat dalil bagi pendapat rakan-rakan kami (ulama' Asy-Syafi'iyyah) yang menganjurkan agar berpindah tempat bila ingin mengerjakan solat sunat sesudah solat fardhu.

Walau bagaimanapun, solat sunat paling afdhal dan digalakkan dilakukan di rumah. Ini berdasarkan kepada hadis Rasulullah SAW sebagaimana berikut.

Dari Zaid Bin Tsabit Radhiyallahu anhu, Rasulullah SAW bersabda**:…."*****Solatlah kalian di rumah masing-masing kerana sebaik-baik solat (sunat) seseorang adalah di rumahnya, kecuali solat fardhu."*** **(Hadis riwayat Imam Muslim)**

Dari Jabir Bin Abdillah Radhiyallahu anhu, Rasulullah SAW bersabda: ***"Apabila seseorang selesai mengerjakan solat (fardhu) di masjid, berilah bahagian solat (sunat) untuk rumahnya, kerana Allah menjadikan solat itu sebagai kebaikan untuk rumahnya."*** **(Hadis riwayat Imam Muslim)**

Ulama' Asy-Syafi'iyyah menyatakan tidak salah jika dikerjakan solat sunat di masjid , tetapi ia hendaklah berpindah tempat (dari tempat ia mengerjakan solat fardhu tadi). Tujuannya agar memperbanyakkan tempat sujud dan berpisah tempat antara solat fardhu dan solat sunat.

Walau bagaimanapun, tidak terdapat hadis shahih yang menganjurkan kita berpindah tempat untuk melakukan solat sunat. Ada hadis dari riwayat Abu Dawud tetapi ia bersifat dha'if, namun ada riwayat menyatakan Ibnu Umar Radhiyallahu anhu dan juga para ulama' salaf sering melakukannya. (**Rujuk: Fatawa Muhimmah Tata'allaqu Bi Al Shalah: Syeikh Abdul Aziz Bin Abdullah Bin Baz)**

37. MENANGGUHKAN SOLAT QADHA YANG TERTINGGAL

Dari Anas bin Malik Radhiyallahu anhu, dia berkata. Rasulullah SAW bersabda, ***"Barangsiapa lupa solat, hendaklah dia mengerjakannya ketika mengingatnya, tiada denda baginya kecuali yang demikian itu".*** *Lalu Rasulullah SAW membaca firman Allah.* ***'Dan, dirikanlah solat untuk mengingatiKu".*** **(Hadis riwayat Bukhari).**

Dalam riwayat Muslim disebutkan. ***"Barangsiapa lupa solat atau tertidur sehingga tidak mengerjakannya, maka kafaratnya ialah mengerjakannya setelah mengingatinya".***

Maksud hadis: Solat memiliki waktu tertentu dan terbatas, awal dan akhirnya, tidak boleh mendahulukan solat sebelum waktunya dan juga tidak boleh mengakhirkannya hingga keluar dari waktunya.

Namun jika seseorang tertidur hingga tertinggal untuk mengerjakannya atau dia lupa hingga keluar dari waktunya, maka dia tidak berdosa kerana alasan itu. Dia hendaklah segera mengqadhanya sesudah mengingatinya dan tidak boleh menundanya, kerana kafarat pengakhiran ini ialah segera mengqadhanya. Maka Allah berfirman: Yang bermaksud**:** ***"Dan, dirikanlah solat untuk mengingati-Ku"*** **[Surah Thaha ayat 14]**

Rasulullah SAW membaca ayat ini ketika menyebutkan hukum ini, mengandungi pengertian bahwa pelaksanaan qadha solat itu ialah ketika seseorang sudah mengingatkannya.

PERBEZAAN PENDAPAT DI KALANGAN ULAMA'

Namun para ulama saling berbeza pendapat, apakah boleh menundanya ketika sudah mengingatkannya atau segera mengerjakannya. Jumhur ulama mewajibkan pelaksanaannya dengan segera. Mereka yang berpendapat seperti ini ialah tiga imam, iaitu Imam Abu Hanifah, Imam Malik dan Imam Ahmad. Sementara Imam Syafi'i menggesa pelaksanaannya dengan segera dan boleh juga menundanya.

Hujah Imam Syafi'i bahwa ketika Rasulullah SAW dan para shahabat tertidur, mereka tidak melaksanakan qadha solat di tempat mereka tidur. Tapi beliau memerintahkan agar mereka mengusir haiwan-haiwan mereka ke tempat lain, lalu Rasulullah SAW solat di tempat tersebut.

Sekiranya qadha ini wajib dilaksanakan dengan segera seketika itu pula, tentunya mereka juga solat di tempat mereka tertidur.
Adapun jumhur ulama berhujah dengan hadis dalam bab ini, yang langsung menyebutkan mengqadha dengan segera. Mereka menanggapi hujah Imam Syafi'i, bahwa makna segera di sini bukan bermaksud tidak boleh menundanya walau sejenak, dengan tujuan untuk lebih menyempurnakan solat dan memurnikannya.

Boleh menunda dengan penundaan yang tidak seberapa lama untuk menunggu jema'ah atau meramaikan orang yang berjema'ah atau lainnya.

Masalah ini dikupas tuntas oleh Ibnul Qayyim di dalam **kitab 'Ash-Shalat'** dan dia menegaskan pendapat yang menyatakan ianya boleh ditunda. Mereka saling berbeza pendapat tentang orang yang meninggalkan secara sengaja hingga keluar waktunya, apakah dia wajib mengqadhanya ataupun tidak?

Mari kita lihat persoalan ini dari huraian Ibnul Qayyim di dalam **kitab 'Ash-Shalat'**, kerana huaraiannya cukup lengkap.

Para ulama telah sepakat bahwa orang yang menunda solat tanpa alasan hingga keluar dari waktunya, mendapat dosa besar. Namun empat imam (Shafi'i, Hambali, Hanafi dan Maliki) sepakat mewajibkan qadha di samping dia mendapat hukuman, kecuali dia bertaubat kepada Allah atas perbuatannya itu.

Ada segolongan ulama salaf dan khalaf yang menyatakan, sesiapa menunda solat hingga keluar dari waktunya tanpa sebarang alasan, maka tidak ada lagi qadha atas dirinya sama sekali, bahwa qadhanya tidak akan diterima, dan dia harus bertaubat dengan 'taubatan nasuha', hendaklah memperbanyakkan istighfar dan solat nafilah.

Orang-orang yang mewajibkan qadha berhujah bahawa jika qadha ini diwajibkan atas orang yang lupa dan tertidur, yang kedua-duanya dimaafkan. Di samping itu, Rasulullah SAW dan para sahabat pernah solat asar setelah masuk waktu Maghrib pada perang Khandaq. Sebagaimana yang diketahui, mereka tidak tertidur dan tidak lupa, meskipun sebahagian di antara mereka benar-benar lupa, tapi tidak semua lupa. Yang ikut mendukung kewajiban qadha ini ialah Abu Umar bin Abdul-Barr.
Adapun di antara orang-orang yang tidak mewajibkan qadha bagi orang yang sengaja menunda solat ialah golongan Zhahiriyah, Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah dan Ibnul Qayyim. Di dalam kitab **Ash-Shalat**, Ibnul Qayim menyebutkan berbagai macam dalil untuk menolak alasan yang tidak sependapat dengannya. Di antaranya ialah apa yang dapat difahami dari hadis ini, bahwa sebagaimana yang dituturkan, kewajiban qadha ini tertuju kepada orang yang lupa dan tertidur. Bererti yang lainnya tidak wajib. Perintah-perintah syari'at itu dapat dibahagi menjadi dua macam : Tidak terbatas seperti Juma'at hari Arafah. Ibadah-ibadah semacam ini tidak diterima kecuali dilaksanakan pada waktunya. Yang lainnya ialah solat yang ditunda hingga keluar dari waktunya tanpa alasan.

Sabda Rasulullah SAW**. "*Barangsiapa mendapatkan satu raka'at dari solat Asar sebelum matahari terbenam, maka dia telah mendapatkan solat Asarnya*."** Sekiranya solat Asar itu dikerjakan setelah Maghrib, justru lebih benar dan mutlak,

Orang-orang yang berperang juga diperintahkan solat, meski dalam situasi yang genting dan darurat. Semua itu menunjukkan tekad pelaksanaan pada waktunya. Sekiranya di sana ada rukhsah, tentunya mereka akan menundanya, agar mereka dapat mengerjakannya lengkap degan syarat dan rukun-rukunnya, yang tidak mungkin dapat dipenuhi ketika perang sedang

berkecamuk. Hal ini menunjukkan pelaksanaan pada waktunya, di samping mengerjakan semua yang diwajibkan dalam solat dan yang disyaratkan di dalamnya.

Tentang tidak diterimanya qadha orang yang menunda solat hingga keluar dari waktunya, bukan bererti dia lebih ringan dari orang-orang yang diterima penundaannya. Mereka ini tidak berdosa. Kalaupun qadhanya tidak diterima, hal itu dimaksudkan sebagai hukuman atas dirinya. Ibnul Qayyim menghuraikan dengan panjang lebar masalah ini. Maka siapa yang hendak mengetahuinya lebih lanjut, silakan lihat kitabnya **'Ash Shalat'.**

Huraian Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah tentang masalah ini disampaikan di dalam **'Al-Ikhiyarat'**. Dia berkata, "Orang yang meninggalkan solat secara sengaja, tidak disyari'atkan qadha bagi dirinya dan tidak sah qadhanya. Tapi dia hendaklah memperbanyak tathawu'. Ini juga merupakan pendapat segolongan orang-orang salaf seperti Abu Abdurrahman rakan Asy-Syafi'i, Daud dan para pengikutnya. Tidak ada satu dalil pun yang bertentangan dengan pendapat ini dan bahkan sejalan dengannya. Yang condong kepada pendapat ini ialah Syeikh Shiddiq Hasan di dalam kitabnya, **'Ar-Raudhatun Nadiyyah'.**

Inilah ringkasan tentang masalah ini, dan Allah-lah yang lebih mengetahui mana yang lebih benar. Wallahu 'Alam………..

KESIMPULAN HADIS INI DAN HUKUM-HUKUMNYA

[1] Kewajipan qadha solat bagi orang yang lupa dan tertidur, yang dilaksanakan ketika mengingatnya.

[2] Kewajipan segera melaksanakannya, kerana penundaannya setelah mengingatkannya sama dengan meremehkannya.

[3] Tidak ada dosa bagi orang yang menunda solat bagi orang yang mempunyai alasan, seperti lupa dan tertidur, selagi dia tidak mengabaikannya, seperti tidur setelah masuk waktu atau menyedari dirinya tidak memperhatikan waktu, sehingga dia tidak mengambil sebab yang dapat membangunnkannya pada waktunya.

Kafarat yang disebutkan di sini bukan kerana dosa yang dilakukan, tapi makna kafarat ini, bahwa kerana meninggalkan solat itu dia tidak dapat mengerjakan yang lainnya, seperti memberi makan, memerdekakan budak atau ketaatan lainnya. Bererti dia tetap diwajibkan mengerjakan solat itu.

[Sila rujuk kitab **Taisirul-Allam Syarh Umdatul Ahkam**, Edisi Indonesia Syarah Hadis Pilihan Bukhari Muslim, Pengarang Syeikh Abdullah bin Abdurrahman bin Shalih Ali Bassam, Penerbit Darul Fallah]

38. TIDAK BERJEMAAH DI TEMPAT AWAM

Hal ini sering berlaku di mana ramai di kalangan kita tidak solat berjemaah di surau atau musolla ketika musafir, atau di shopping-shopping kompleks – atas alasan, nak cepat. Masing-masing solat bersendirian tanpa mementingkan untuk solat berjemaah.

Qubats ibn Asyyam Radhiyallahu anhu berkata, Rasulullah SAW bersabda: ***"Solatnya dua orang lelaki yang diimani oleh salah seorang darinya lebih disukai Allah daripada solat empat orang lelaki secara sendiri-sendiri. Solat empat orang (secara berjemaah) lebih disukai Allah daripada solatnya lapan orang secara sebdiri-sendiri. Solat lapan orang***

(secara berjemaah) lebih disukai Allah daripada solatnya seratus orang secara sendiri-sendiri." (**Hadis riwayat Al Bazzar & Thabrasni – At Targhib**)

Di setiap musolla baik di R & R, lebuhraya atau di shopping-shopping kompleks, masing-masing 'menyombongkan' diri tidak mahu mengadakan solat berjemaah. Masing-masing solat bersendirian tanpa ada inisiatif untuk mengajak saudara sesama muslim yang lain membentuk jemaah. Bukankah solat berjemaah itu 27 kali lipat pahalanya daripada solat bersendirian? Apalah salahnya kita tunggu teman-teman yang lain untuk mengadakan solat berjemaah! Siapa yang bagus dan baik bacaan Al-Qur'annya, majulah ke depan untuk menjadi imam. Jangan sampai orang yang buruk bacaan Al-Qur'annya yang maju ke depan dan bertindak menjadi imam!.

Dari Abu Said Radhiyallahu anhu, ia berkata: Telah bersabda Rasulullah SAW, ***"Jika ada tiga orang, maka hendaklah salah seorang jadi imam, dan yang paling berhak menjadi imam di antaranya adalah yang paling bagus bacaannya".*** **(Hadis riwayat Imam Muslim dan Nasa'i).**

39. BERWIRID ALA KADAR SESUDAH SOLAT

Ramai di kalangan kita tidak suka berwirid setelah selesai mengerjakan solat fardhu atau kalaupun berwirid, mereka mengerjakannya secara ala kadarnya sahaja.

Perhatikan firman Allah: ***"Maka apabila kamu telah menyelesaikan solat(mu), ingatlah Allah di waktu berdiri, di waktu duduk dan di waktu berbaring. Kemudian apabila kamu telah merasa aman, maka dirikanlah solat itu (sebagaimana biasa). Sesungguhnya solat itu adalah fardhu yang ditentukan waktunya atas orang-orang yang beriman."*** **(Surah An Nisa ayat 103)**

Di dalam hadis Muslim yang diriwayatkan daripada Tsauban, Rasulullah SAW apabila selesai daripada solatnya selalu beristighfar. Sabda Rasulullah SAW: ***"Mana-mana hamba Allah yang mengerjakan solat fardhu, lantas dia beristighfar sepuluh kali, tiadalah bangun dia daripada tempat duduknya sehingga Allah mengampuni dosa-dosanya walaupun sebanyak buih di lautan dan sebesar bukit Tahamah sekalipun."***

Tsauban Radhiyallahu anhu. berkata, Rasulullah SAW. apabila selesai solat, baginda beristighfar tiga kali, kemudian menyebut:

اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ وَمِنْكَ السَّلَامُ تَبَارَكْتَ ذَا الْجَلَالِ وَالإِكْرَامِ

(Maksudnya***: Ya Allah, Engkaulah yang memiliki Kesejahteraan, dan daripada-Mu asalnya kesejahteraan itu, segala keberkatan adalah milik Engkau Ya Allah, yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan***)

Al-Walid kemudiannya bertanya kepada al-Auzai, bagaimana cara beristighfar yang dimaksudkan? Al-Auzai menjawab: (dengan mengucapkan): Astaghfirullah (3 kali) - (Maksudnya: ***aku mohon ampun kepada Allah***). **(Sahih Muslim, Hadis No.: 591, Hadis Riwayat Ahmad, Hadis No.: 26021)**

Rasulullah SAW pernah bersabda, sesiapa yang membaca zikir berikut sepuluh kali sesudah solat Maghrib dan Subuh:

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ
بِيَدِهِ الْخَيْرُ يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

(Maksudnya***: Tiada Tuhan melainkan Allah yang tunggal tiada sekutu bagi-NYA, bagi-NYA lah kerajaan dan puji-pujian, ditangan-NYA kebaikan, Yang menghidupkan dan mematikan serta Allah jualah yang berkuasa atas segala sesuatu***).

Maka dicatatlah ganjaran untuk setiap kali bacaan sepuluh pahala, dihapuskan sepuluh dosa, dinaikkan darjatnya sepuluh tingkat dan di samping itu menjadi pelindung bagi segala bahaya, dan penolak syaitan terkutuk, dan tidak satu dosa pun yang akan dapat mencelakakannya kecuali jika syirik. Maka dia adalah orang yang terbaik amalannya, tidak ada yang melebihinya kecuali orang yang lebih utama iaitu yang mengucapkan yang lebih baik pula." **(Hadis Hasan: Musnad ahmad, Hadis No.: 17990, jld. 4, hal. 227)**

Dari Abi Umamah,Nabi s.a.w bersabda*:* ***"Barangsiapa membaca ayat kursi di belakang setiap solat maktubah/fardu/wajib, nescaya tidak ada yang menghalanginya dari masuk syurga kecuali kalau dia tidak mati."*** **(Hadis riwayat Imam An-Nasa'i dan lain-lain. – sahih)**

"Barangsiapa setiap selesai solat membaca Tasbih 33 سُبْحَانَ الله kali, membaca tahmid 33 الحمدُ لِلهِ kali, takbir 33 الله أكبرُ kali hingga jumlahnya 99, lalu mencukupkan

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ
لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيْتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ

dengan

Maka diampunilah dosa-dosanya walaupun sebanyak buih di lautan sekalipun **(Hadis riwayat Imam Ahmad)**

Dan banyak lagi zikir atau wirid-wirid lain yang diajarkan oleh Rasulullah SAW dengan berdasarkan hadis-hadis baginda SAW.

40. IMAM MENGERASKAN ZIKIR SESUDAH SOLAT BERJEMAAH

Mengeraskan zikir secara jemaah sesudah solat sudah menjadi satu budaya di kalangan kita. Banyak riwayat menunjukkan Rasulullah SAW ada berzikir dan berdo'a selepas solat tetapi ia TIDAK dilakukan dengan cara beramai-ramai (berjemaah) secara berkekalan dan ianya dilakukan mengikut adab yang betul. **Imam as-Syafi'i** (*rahimahullah*) ada menyebut perkara ini, yang di antara lain menyatakan bahawa: ***"Saya (Imam Shafi'i) memandang baik bagi imam dan makmum, bahawa berzikir kepada Allah, sesudah selesai daripada solat. Kedua-duanya menyembunyikan zikir, kecuali jika dia (imam) mahu mengajar orang lain. Maka imam mengeraskan suaranya, sehingga dia melihat orang telah mempelajari daripadanya. Kemudian dia merendah (memperlahankan) suaranya."*** **(Petikan dari Kitab al-Umm, Jilid 1 – Imam Shafi'i)**

Imam an-Nawawi (*rahimahullah*), ketika mengulas kaedah-kaedah berzikir selepas solat berjemaah, juga bersetuju dengan kesimpulan Imam as-Syafi'i (*rahimahullah*). **Rujuk al-Majmu' Syarah al-Muhadzab.**

Imam al-Baihaqi (*rahimahullah*) ada menyebut bahawa: *"Bahawa zikir dan do'a sesudah solat harus disirrkan (perlahankan) kecuali jika imam ingin mengajarkan zikir itu kepada jemaah lain, maka dijaharkan (dikuatkan) supaya dapat dipelajari. Apabila sudah selesai dipelajari dan diketahui, maka zikir dan do'a itu harus disirrkan (diperlahankan)."* **(Kitab Zikir dan Doa'- Doa' Rasulullah SAW: Sunan al-Kubra)**

Imam Ibnu Hajar al-Asqalani (*rahimahullah*) juga menyebut perkara yang sama bahawa: *"Tidak disukai mengeraskan suara waktu berzikir dan berdoa'. Demikianlah juga pendapat golongan salaf dari para sahabat dan tabi'en (orang selepas sahabat)."* **(Rujuk Kitab Fath ul-Baari, syarah Sahih Bukhari)**

Kesimpulannya, para ulama' bersetuju bahawa berzikir/berwirid selepas solat adalah secara bersendirian dan dilakukan secara perlahan-lahan. Berzikir secara beramai-ramai dengan suara yang kuat boleh menimbulkan gangguan kepada jemaah lain yang sedang bersolat iaitu

bagi mereka yang masih meneruskan solat kerana terlewat (*makmum masbuq*) atau juga bagi mereka yang sedang solat sunat selepas itu (*sunat ba'diah*) dan sebagainya.

PENUTUP:

Demikianlah sedikit sebanyak kesilapan-kesilapan yang berlaku ketika kita mengerjakan solat, sama ada kita sedari atau tidak, telah menyebabkan solat kita 'cacat' dan tidak sempurna. Malah lebih 'menakutkan' lagi, ia buat solat kita jadi tidak sah atau terbatal gara-gara kebodohan kita tidak mahu mendalami ilmu solat yang sebenarnya.

Sabda Rasulullah SAW: ***"Sesungguhnya hamba yang melakukan solat yang diwajibkan kepadanya ada yang mendapat ganjaran sepersepuluhnya, ada yang mendapat sepersembilannya, ada yang mendapat seperdelapannya, ada yang mendapat sepertujuhnya, ada yang mendapat seperenamnya, ada yang mendapat seperlimanya, ada yang mendapat seperempatnya, ada yang mendapat sepertiganya, atau ada yang mendapat setengahnya."*** **(Hadis riwayat Imam Abu Dawud, Nasa'i dan Ibnu Mubarak).**

Hanya dengan ilmu, kita akan dapat beramal dengan sebaik-baiknya. Islam mengkehendaki umatnya berilmu baik dalam segala apa jua urusan dunia mahupun akhirat. Tanpa ilmu, kita seolah-olah berjalan tanpa cahaya di dalam kegelapan. Rasulullah SAW pertama-tama memerintahkan umatnya untuk menguasai ilmu tauhid, baru kemudian memohonkan keampunan yang berupa amal perbuatan. Walaupun perintah di dalam ayat itu ditujukan kepada Nabi saw, tetapi ayat ini juga mencakup umatnya.

Iman Al Ghazali begitu memberikan penekanan dan perhatian terhadap ilmu. Jika dilihat kepada kitabnya yang masyhur Ihya' 'Ulum al-Din, kita akan dapati Imam Al Ghazali memulakan pembicaraan dengan perbahasan ilmu dan kelebihannya. Kebahagian dan kesempurnaan manusia menurut Imam Al Ghazali, diperolehi melalui ilmu.

Imam Bukhari meletakkan satu bab tentang ilmu dalam **Jami' Shahih**nya, dengan judul **"Ilmu itu Mendahului Perkataan dan Perbuatan."** Para pemberi syarah atas buku ini menjelaskan bahwa ilmu yang dimaksudkan dalam judul itu harus menjadi syarat bagi ke-shahih-an perkataan dan perbuatan seseorang. Kedua hal itu tidak dianggap shahih kecuali dengan ilmu; sehingga ilmu itu didahulukan atas keduanya.

Ilmulah yang membenarkan niat dan membetulkan perbuatan yang akandilakukan. Mereka mengatakan: "Bukhari ingin mengingatkan orang kepada persoalan ini, sehingga mereka tidak salah mengerti dengan pernyataan 'ilmu itu tidak bermanfaat kecuali disertai dengan amal yang pada gilirannya mereka meremehkan ilmu pengetahuan dan enggan mencarinya."

Tanpa ilmu pengetahuan kita akan kehilangan arah, dan melakukan tindakan yang tidak karuan. Benarlah apa yang pernah diucapkan oleh khalifah Umar bin Abdul-Aziz, ***"Barangsiapa melakukan suatu pekerjaan tanpa ilmu pengetahuan tentang itu maka apa yang dia rosak lebih banyak daripada apa yang dia perbaiki."*** **(Rujuk: Jami' Bayan al-'Ilm wa Fadhlih, karangan Ibn 'Abd al-Barr, 1:27, cet. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah)**

Imam Hasan al-Bashri memperingatkan orang yang tekun beribadah dan beramal, tetapi tidak disertakan dengan ilmu pengetahuan dan pemahaman. Dia mengucapkan perkataan

yang sangat dalam maksudnya,***"Orang yang beramal tetapi tidak disertai dengan ilmu pengetahuan tentang itu, bagaikan orang yang melangkahkan kaki tetapi tidak meniti jalan yang benar. Orang yang melakukan sesuatu tetapi tidak memiliki pengetahuan tentang sesuatu itu, maka dia akan membuat kerosakan yang lebih banyak daripada kebaikan yang dilakukan.***"

Keadaan seperti ini nampak dengan jelas pada sebahagian kelompok kaum Muslimin, yang tidak kurang kadar ketaqwaan, keikhlasan, dan semangatnya; tetapi mereka tidak mempunyai ilmu pengetahuan, pemahaman terhadap tujuan ajaran agama, dan hakikat agama itu sendiri.

Maka dengan itu, marilah kita mencari dan menimba ilmu. Bukan sahaja ilmu akhirat, bahkan juga ilmu dunia. Semoga kita menjadi manusia yang beragama dengan benar mengikut landasan dan ajaran Rasulullah SAW.

CONTOH SOLAT YANG BENAR

(KESIMPULAN BERDASARKAN HADIS-HADIS RASULULLAH SAW – SEBAGAIMANA DI ATAS):

1. Berwudhuk dengan sempurna tanpa membazir air. Jangan lupa baca do’a sesudah berwudhuk.
2. Pastikan pakaian bersih, tidak bergambar dan menutup aurat. Perhatikan ‘isbal’ yakni pakaian bagi lelaki tidak boleh menutupi mata kaki. Hal ini dilarang keras oleh Allah dan RasulNya. Manakala bagi perempuan pula hendaklah melabuhkan pakaiannya sehingga menutupi mata kaki.
3. Niat dalam hati. Jangan dilafazkan. Rasulullah SAW tidak pernah melafazkan niat. Manakala Imam Shafi’e pula melarang hal yang sama. Sebelum angkat tabiratul ihram, pastikan sejadah atau tempat sujud tidak bergambar. Ini kerana ia boleh mengganggu kekhusyukan solat. **Tenangkan diri** sebelum takbiratul ihram.
4. Angkat takbir. ″ □□□□ □□□□″ Tapak tangan setentang dengan bahu atau anak telinga. Tapak tangan hendaklah mengadap arah kiblat. Jari jemari jangan terlalu rapat dan jangan pula terlalu direnggangkan.
5. Tangan hendaklah diletakkan di dada atau di perut tetapi jangan di bawah pusat. Tangan kanan hendaklah di atas tangan kiri.
6. Selepas angkat takbir, tangan sudah diletakkan di dada, ambil nafas dulu **(dapatkan ketenangan**) sebelum membaca do’a iftitah. Rasulullah SAW tidak pernah meninggalkan bacaan do’a iftitah di setiap solat baginda. **Dapatkan ketenangan dahulu sebelum membaca do’a iftitah**. Bacalah do’a iftitah dengan tartil dan jangan membacanya dengan cepat dan kelam kabut.
7. Sesudah membaca do’a iftitah, ambil nafas dulu **(dapatkan ketenangan), sebelum membaca Fatihah.** Bacalah Fatihah dengan tartil (fahami maksud setiap ayat-ayat Fatihah). Sesudah membaca Fatihah, ambil nafas dulu **(dapatkan ketenangan),** sebelum mula membaca surah pilihan. Bacalah dengan tartil dan cuba fahami setiap makna yang dibaca. Ini akan membuat solat kita penuh dengan kekhusyukan apabila kita dapat memahami setiap makna bacaan solat kita.
8. Sesudah selesai membaca surah pilihan, **cuba tenangkan diri terlebih dahulu sebelum bergerak ke rukuk**. Angkat takbir…..Allahu Akbar, terus bergerak ke rukuk. **Dapatkan ketenangan terlebih dahulu** dengan mengambil nafas sebentar (sekadar bacaan Subhanallah), pastikan kita benar-benar berada di posisi rukuk, barulah kita baca zikir rukuknya. Bacalah سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيمِ sekurang-kurangnya 3 kali dengan tenang. Jangan baca secara kelam kabut. Ambil nafas dulu sebelum bangkit i’tidal.
9. سَمِعَ اللّٰهُ لِمَنْ حَمِدَهُ bangkit berdiri tegak. Sebelum baca سَمِعَ اللّٰهُ لِمَنْ حَمِدَهُ **dapatkan ketenangan terlebih dahulu** (ambil nafas). Jangan langsung hendak menerkam sujud.

   Bacalah رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ dengan tenang. Sesudah baca, ambil nafas dahulu, barulah bergerak ke rukun sujud. **Sujudlah dengan benar, dahi dan hidung wajib menyentuh sejadah (tempat sujud),** keadaan kaki dirapatkan dan jari-jemari kaki mengadap kiblat. Kedudukan tangan setentang dengan bahu atau anak telinga.

Siku hendaklah diangkat dan jauhkan dari perut, jangan menempel di perut. Pastikan terlebih dahulu posisi sujud kita benar, dan ketenangan sujud sudah kita perolehi, barulah kita baca zikir sujudnya سُبْحَانَ رَبِّيَ الأَعْلَى sekurang-kurangnya 3 kali. Jangan baca secara gopoh- gapah. Fahami makna bacaan sujudnya. Bangkit untuk duduk antara dua sujud.

10. **Tenang dulu**. Jangan langsung baca zikirnya. Ambil nafasnya terlebih dahulu. Pastikan cara duduk antara dua sujud, benar-benar berada di posisi yang tepat. Punggung duduk di atas kaki kiri dan kaki kanan ditegakkan. Manakala jari-jemari kaki kanan mengadap ke arah kiblat.

    Barulah kita baca zikirnya سُبْحَانَ رَبِّيَ الأَعْلَى dengan tartil sekurang- kurangnya 3 kali sambil menyelami makna zikirnya. Ambil nafas terlebih dahulu sebelum bergerak ke sujud selanjutnya.
11. **Sujudlah dengan benar**, dahi dan hidung wajib menyentuh sejadah (tempat sujud), keadaan kaki dirapatkan dan jari-jemari kaki mengadap kiblat. Kedudukan tangan setentang dengan bahu atau anak telinga. Siku hendaklah diangkat dan dijauhkan dari perut, jangan menempel di perut. Pastikan terlebih dahulu posisi sujud kita benar, dan ketenangan sujud sudah kita perolehi, barulah kita baca zikir sujudnya sekurang-kurangnya 3 kali. Jangan kelam kabut. Fahami makna bacaan sujudnya. Di waktu sujud ini, hendaklah kita banyak berdo'a, kerana do'a kita di waktu sujud didengar dan dikabulkan oleh Allah Ta'ala. Kalau kita tahu betapa mustajabnya do'a di waktu sujud, pasti kita tidak akan meninggalkannya di setiap kesempatan sujud.
12. Sebelum bangkit ke rakaat berikutnya, hendaklah kita tidak terus bangkit. Kita dikehendaki duduk istirehat sebentar (sekadar beberapa saat) sebelum bangkit.
13. Ulangilah cara solat yang sedemikian sehinggalah ke rukun tahyat. Cara duduk rukun tahyat awal sama sebagaimana duduk antara dua sujud. Cuma duduk tahyat akhir agak berbeza. Kaki kiri dilunjurkan di bawah kaki kanan. Punggung duduk di lantai, kaki kanan tetap ditegakkan dengan jari-jemarinya di arahkan ke kiblat. Tangan kiri di atas peha kiri dan tangan kanan dikepalkan di atas peha kanan dengan jari telunjuk di arah ke kiblat. Bacalah bacaan tahyatnya dengan tartil. Jangan sekali-kali baca secara kelam-kabut.
14. Begitulah sekadar contoh cara solat yang penuh dengan ketenangan. Tidak kelam kabut atau gopoh-gapah sebagaimana yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW. **"………solatlah dengan tenang. Solatlah dengan tenang. Solatlah dengan tenang."** Sehingga Rasulullah SAW mengulangi kenyataan tersebut sebanyak 3 kali.

Bahan Rujukan:

1. Al Qur’an (Terjemahan).
2. Sahih Bukhari.
3. Sahih Muslim.
4. Jami’ Al Termidzi.
5. Sunan al-Nasa’i.
6. Sunan Ibn Majah.
7. Sunan Abi Dawud.
8. Sunan al-Daruqutni.
9. Sahih Ibn Khuzaimah.
10. Musnad al-Syafi`i.
11. Musnad Imam Ahmad.
12. Mu’jam Ibn Mubarak.
13. Mu’jam Tabrani.
14. Sunan al-Kubra oleh Imam Al Baihaqi.
15. Shahih Al-Jami'ish Shaghiir oleh Syaikh Nashiruddin Al-Albani.
16. Taudihul Ahkam oleh Imam Ibnu Khuzaimah**.**
17. Fathul Bari oleh Imam Ibnu Hajar Al Asqalani.
18. Aunul Ma’bud oleh Syaroful Haq Azhim Abadi.
19. Majmu' Fatawa oleh Ibnu Taimiyah.
20. Irwa’ul Ghalil oleh Abu Dzar.
21. Shahih At-Targhieb Wat Tarhieb oleh Syaikh Nashiruddin Al-Albani.
22. kitab Subulus Salam oleh Imam Ash Shan‘ani.
23. Kitab al-Muwaththa’ oleh Imam Malik.
24. Kitab al-Umm oleh Imam Syafi’i.

25. Kitab Al Amr bi al Itbaa' wa al Nahy'an al Ibtidaa' oleh Imam Syafi'i.
26. Kitab al-Majmu' Syarah al-Muhadzab oleh Imam An Nawawi.
27. Fatawa Muhimmah Tata'allaqu Bi Al Shalah oleh Syaikh Abdul Aziz bin Baz.
28. kitab As Syari'ah oleh Imam Al Azurri.
29. kitab As Sunnah Al Laalikai oleh Ibnu Nasr Al Marwaji.
30. kitab Al Faruq bainal Firaq oleh Abdul Qahir Al Baghdadi.
31. Kitab Nailul Authaar oleh Asy Syaukani.
32. Himpunan Hadis Dhaif dan Maudhu' oleh Drs Abdul Ghani Azmi.
33. Kitab Asy Syalat oleh Ibnul Qayyim.
34. Kitab Ar Raudhatun Nadiyyah oleh Syaikh Siddiq Hassan.
35. Kitab Taisatul Allam Syarh Umdatul Ahkam oleh Syaikh Abdullah bin Abdurrahman bin Shalih Ali Bassam.
36. Kitab Jami' Bayan Al 'IIm Wa Fadhlih oleh Ibn 'Abd Al Barr.

Biografi Penulis/Penyusun:

Dilahirkan di Kampung Palekbang, Tumpat, Kelantan pada tahun 1961. Belajar di Primary English School Tumpat, Kelantan, Sekolah Menengah Jerantut, Pahang, Sekolah Menengah Tumpat, Kelantan dan Maktab Kelantan, Kota Bharu. Mengikuti pengajian Seni Kreatif di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada tahun 1986/1988.

Pernah bertugas sebagai wartawan/penyunting (pada tahun 1983 - 1989) di Kumpulan Karangkraf Sdn Bhd - bermula dengan akhbar BACARIA, MEDIA HIBURAN dan WATAN. Kemudian diberi kepercayaan bertindak sebagai editor majalah FOKUS SPM dan FOKUS STPM. Pengalaman mengelola ruangan agama di akhbar BACARIA dan WATAN bersama Dato' Ismail Kamus memberi kesempatan untuk menimba ilmu daripada tokoh ulama tersohor. Sekarang bertindak sebagai penulis bebas.

Dari Ghailan, juga dari Anas Ibn Malik Radhiyallahu anhu, katanya: ***"Aku tidak melihat sesuatu yang pada zaman Rasulullah SAW dikerjakan dengan sebaik-baiknya, tetapi kini bahkan disia-siakan yakni dianggap ringan dan dipermudahkan.*** **Kepada Anas Ibn Malik diucapkan:** ***"Apakah yang anda maksudkan itu perihal solat? Anas Ibn Malik menjawab: Benar, bukankah anda sekalian telah mensia-siakannya***

sebagaimana yang terjadi sekarang, anda sekalian telah mensia-siakan solat itu." (Hadis riwayat Imam Bukhari)

………….."Akan datang satu masa atas manusia, di mana mereka mengerjakan solat, yang sebenarnya mereka tidak mengerjakan solat!" (Hadis riwayat Imam Ahmad)

Perhatian: (Cover Kulit belakang)